KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

MAJLIS DEKAN/PENGARAH ASASI
UNIVERSITI AWAM

e-ISSN 3009-1055

BIL. 5 TAHUN 2023

BULETIN ASASI UNIVERSITI AWAM

JANUARI - JUN 2023



PRE-UNIVERSITY MATRICULATION INNOVATION COMPETITION (PIITRAM 2023)

M/S 31

KEMENTERIAN PENDIDIKAN
BAHAGIAN MATRIKULASI

UNIVERSITI MALAYA · Universiti Kebangsaan Malaysia National University of Malaysia · UPM Universiti Putra Malaysia Berilmu Bermakti · International Islamic University Malaysia Garden of Knowledge and Virtue · UUM Universiti Utara Malaysia · UNIMAS Universiti Malaysia Sarawak

UMS Universiti Malaysia Sabah · Universiti Sains Islam Malaysia Islamic Science University of Malaysia · Universiti Teknologi MARA · Universiti Malaysia Terengganu UMT · UniSZA Universiti Sultan Zainal Abidin · Universiti Malaysia Kelantan · UPNM National Defence University of Malaysia Kewajipan Maruah Integriti

SIDANG PENYUNTING

PENASIHAT

PROF. MADYA DR. LAILI HAJI CHE' ROSE
Pengerusi, Majlis Dekan/Pengarah Asasi
Universiti Awam

KETUA PENYUNTING

DR. HJH. MARINAH BINTI MUHAMMAD
Pengarah, Pusat Pengajian Asasi
Universiti Malaysia Kelantan

PENYUNTING

DR. WONG HIE LING
DR. AAINAA SYAZWANI BT MOHAMAD AMIR HAMZAH
DR. IRENE CHRISTIANUS
DR. SITI AISYAH BINTI NAWAWI
CIK NURUL SYAHIDA BINTI MOHD NASIR

PENULIS

SEMUA PENULIS YANG TERLIBAT DARI
PUSAT ASASI UNIVERSITI AWAM &
MATRIKULASI

REKA GRAFIK

DR. WONG HIE LING
PN. NORMALA BINTI OTHMAN

JURU GAMBAR

SEMUA JURU GAMBAR YANG TERLIBAT
DARI PUSAT ASASI UNIVERSITI AWAM &
MATRIKULASI

HAK CIPTA

Penerbitan Korporat UMK, 2024

Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanikal, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa mendapat izin daripada Pusat Komunikasi Korporat, Pejabat Naib Canselor UMK.

TAJUK : BULETIN ASASI UNIVERSITI AWAM
EDISI JANUARI - JUN 2023

NO. EISSN : 3009-1055

DITERBITKAN OLEH:

Penerbitan Korporat UMK
Bahagian Penerbitan dan Pengurusan Laman Web
Pusat Komunikasi Korporat
Pejabat Naib Canselor
Universiti Malaysia Kelantan
16300 Bachok
Kelantan Darul Naim

No. Tel : 09-7797015
Emel : bpk.pkk@umk.edu.my
Website : corporate.umk.edu.my

DISEDIAKAN OLEH:

Pusat Pengajian Asasi (UMK-AsCent)
Universiti Malaysia Kelantan
17600 Jeli
Kelantan Darul Naim

No. Tel : 09-9477206
Emel : ascent@umk.edu.my
Website : ascent.umk.edu.my

KANDUNGAN

SEKAPUR SIRIH
Prof. Madya Dr. Laili Haji Che' Rose

SEULAS PINANG
Dr. Hjh. Marinah binti Muhammad

CARTA ORGANISASI MAJLIS DEKAN/PENGARAH ASASI UNIVERSITI AWAM

MESYUARAT MAJLIS DEKAN/PENGARAH ASASI UNIVERSITI AWAM 2023

PERTANDINGAN INTER-ASASI 2023

PUSAT ASASI STEM,
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

PUSAT PENGAJIAN ASASI,
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

PUSAT ASASI SAINS PERTANIAN,
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

PUSAT ASASI SAINS DAN PERUBATAN UNISZA,
UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN

PUSAT ASASI,
UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA MALAYSIA GAMBANG

PUSAT ASASI,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PUSAT ASASI PENGURUSAN,
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

PUSAT GENIUS@PINTAR NEGARA,
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

PUSAT TAMHIDI USIM,
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

PUSAT PENGAJIAN PRA-UNIVERSITI,
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

PUSAT PERSEDIAAN SAINS DAN TEKNOLOGI,
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PUSAT ASASI SAINS,
UNIVERSITI MALAYA

PUSAT ASASI PERTAHANAN,
UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA

BAHAGIAN MATRIKULASI,
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

SEKAPUR SIRIH



Salam Sejahtera, Salam Malaysia Madani

Alhamdulillah, bersyukur kita kepada Allah s.w.t kerana dengan izin serta kurnia-Nya, Buletin Asasi Universiti Awam ini dapat diterbitkan untuk edisi ke-5. Justeru itu, dikesempatan ini saya ingin merakamkan ucapan jutaan terima kasih kepada Universiti Malaysia Kelantan (UMK) selaku editor untuk edisi kali ini. Tidak lupa, setinggi penghargaan dan terima kasih juga diucapkan buat semua ahli sidang redaksi buletin yang terdiri daripada wakil-wakil Pusat Asasi Universiti Awam dan Matrikulasi seluruh Malaysia atas kerjasama yang baik dalam usaha penerbitan ini.

Dengan adanya Buletin Asasi Universiti Awam ini yang disediakan setiap 6 bulan mengikut giliran Universiti Awam masing-masing, adalah diharapkan ianya menjadi satu wadah untuk perkongsian berita serta perihal kepelbagaian aktiviti yang menarik yang telah dilaksanakan di setiap Pusat Asasi di samping pencapaian terbaik yang telah diperolehi sepanjang semester berjalan. Seterusnya, kesemua perkongsian menarik ini bukan sahaja berada dalam makluman dan kitaran kita sahaja, malah diharapkan dapat dipanjangkan kepada masyarakat di luar sana sebagai satu bentuk promosi kepada kampus-kampus kita yang tersergam indah ini. Ia juga diharap akan mampu menarik lebih ramai minat bakal pelajar untuk datang menuntut ilmu sebelum menempuh ke peringkat pengajian yang lebih tinggi.

Akhir kalam, dengan asbab adanya Buletin Asasi Universiti Awam ini segala nostalgia indah dan kenangan yang manis utuh terpahat buat tatapan seluruh pembaca di masa akan datang. Segala usaha serta perit jerih dalam setiap penghasilan buletin ini amatlah saya hargai. Semoga kita semua sentiasa beroleh kebaikan dan rahmat dari Yang Maha Esa.

Sekian, terima kasih.

PROF. MADYA DR. LAILI HAJI CHE' ROSE

PENGERUSI
MAJLIS DEKAN & PENGARAH PUSAT ASASI
UNIVERSITI AWAM

SEULAS PINANG



Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.
Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani.

Alhamdulillah, edisi kelima Buletin Asasi dan Matrikulasi Malaysia ini diuruskan oleh pasukan editor daripada Pusat Pengajian Asasi, Universiti Malaysia Kelantan dengan jayanya. Melalui Kerjasama dan komitmen yang tinggi daripada 14 institusi sebanyak 120 artikel telah dapat dikumpulkan dan diterbitkan melalui edisi kali ini. Tahniah diucapkan kepada semua penulis.

Seperti edisi yang lepas, Buliten Asasi dan Matrikulasi Malaysia kali ini melaporkan semua aktiviti yang dijalankan oleh Pusat Asasi dan Kolej Matrikulasi di Malaysia bagi bulan Januari hingga Jun 2023. Ternyata banyak program dan aktiviti yang menarik telah dijalankan oleh anak-anak asasi dan matrikulasi melalui institusi masing-masing sepanjang tempoh singkat ini sebelum mereka semua menyambung pengajiaan ke peringkat Ijazah. Aktiviti inter asasi juga dilaporkan dalam edisi kali ini, kerana program seperti PIITRAM, FANTASI, PeDAA dan SAM berlangsung di antara bulan Februari hingga April setiap tahun. Keempat-empat aktiviti ini merupakan platform bagi anak-anak asasi dan matrikulasi untuk berkumpul dan bersaing secara sihat dalam inovasi, pantun, debat dan sukan yang seterusnya menyambung silaturrahim antara para pelajar dan pensyarah di semua institusi yang terlibat.

Akhir kata, saya mewakili Pusat Pengajiaan Asasi, Universiti Malaysia Kelantan ingin mengucapkan ribuan terima kasih atas peluang dan kepercayaan daripada Majlis Dekan/ Pengawah Asasi dan Matrikulasi Malaysia untuk menguruskan penerbitan Buliten Asasi dan Matrikulasi Malaysia kali ke lima ini. Pengalaman ini sangat berharga bagi kami sebagai sebuah Pusat Pengajian Asasi yang Baharu di Malaysia.

DR. HJH. MARINAH BINTI MUHAMMAD

PENGARAH
PUSAT PENGAJIAN ASASI
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

MAJLIS DEKAN/PENGARAH ASASI
UNIVERSITI AWAM



PENGERUSI
Prof. Madya. Dr. Laili Che Rose
Universiti Malaysia Terengganu
(UMT)



TIMBALAN PENGERUSI
Tuan Haji Murshid Bin Kassim
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
(IIUM)



Prof. Madya Dr. Sharifah Wajihah Wafa
Universiti Sultan Zainal Abidin
(UniSZA)



Prof. Madya Dr. Rorlinda Binti Yusof
Universiti Kebangsaan Malaysia
(UKM)



Prof. Madya Dr. Mohamed Ali Haniffa
Universiti Utara Malaysia
(UUM)



Prof. Madya Dr. Marina Mohd. Top@Mohd Tah
Universiti Putra Malaysia
(UPM)



Prof. Madya Ch M. Dr. Juliana Jumat
Universiti Sains Islam Malaysia
(USIM)



Dr. Rosnarizah Abd ul Halim
Bahagian Matrikulasi
Ahli bersekutu



AHLI
Prof. Ir Dr. Ahmad Farid Abidin@Bharun
Universiti Teknologi MARA
(UiTM)



Dr. Hjh Marinah Muhammad
Universiti Malaysia Kelantan
(UMK)



Prof. Madya Dr. Farazila Yusof
Universiti Malaya
(UM)



AHLI
ChM. Dr. Newati Wid
Universiti Malaysia Sabah
(UMS)



Prof. Madya Ts. Dr. Norhana Abdul Halim
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia
(UPNM)



Prof. Madya Dr. Ruhana Hassan
Universiti Malaysia Sarawak
(Unimas)

MAJLIS DEKAN/PENGARAH ASASI
UNIVERSITI AWAM

MESYUARAT MAJLIS DEKAN/PENGARAH ASASI MALAYSIA 2023

Mesyuarat Majlis Dekan/Pengarah Asasi Malaysia akan dilaksanakan sebanyak empat (4) kali setahun. Sepanjang Januari 2023 hingga Jun 2023 dua mensyuarat MDPA telah dilaksanakan pada Mac 2023 dan Jun 2023 dengan Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia sebagai tuan rumah. Berikut merupakan rentetan peristiwa sekitar Mesyuarat Majlis Dekan/Pengarah Asasi Malaysia:

1. MESYUARAT MAJLIS DEKAN/PENGARAH ASASI KALI KE-28 BIL. 1/2023

Tarikh : 9 Mac 2023 (Khamis)
Masa : 9.00 Pagi
Tempat : Bilik Majlis Aras 5, Bangunan Canselori,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 Bangi,
Selangor, Malaysia.




MESYUARAT MAJLIS PENGARAH/ DEKAN PUSAT ASASI UNIVERSITI AWAM
Kali ke-28, Bil.1/ 2023
Pusat GENIUS@Pintar Negara, Universiti Kebangsaan Malaysia
8 - 9 Mac 2023

MAJLIS DEKAN/PENGARAH ASASI
UNIVERSITI AWAM

MESYUARAT MAJLIS DEKAN/PENGARAH ASASI MALAYSIA 2023

2. MESYUARAT MAJLIS DEKAN/PENGARAH ASASI KALI KE-29 BIL. 2/2023

Tarikh : 22 Jun 2023 (Khamis)
Masa : 9.00 Pagi
Tempat : Bilik Mesyuarat Senat, Bangunan Canselori,
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia,
57000 Kem Sungai Besi,
Kuala Lumpur, Malaysia.















Dua lagi mesyuarat MDPA bagi tahun 2023 dijangka akan dilaksanakan pada bulan September dan Disember dengan Universiti Malaysia Sarawak (UniMaS) dan Universiti Utara Malaysia (UUM) sebagai tuan rumah. Semoga ukhuwah yang dibina berkekalan dan jumpa lagi dipertemuan yang selanjutnya.

PERTANDINGAN ANTARA ASASI MALAYSIA

NURULAKIDAH BINTI ADNAN

Pertandingan Antara Asasi Universiti Awam" merupakan program tahunan peringkat kebangsaan anjuran Majlis Dekan/Pengarah Pusat Asasi Universiti Awam. Penyertaan program ini adalah terhad kepada pelajar Asasi dan Matrikulasi di seluruh Malaysia. Pertandingan yang diadakan ini dianjurkan antaranya bertujuan untuk:

i. Membantu universiti dalam penjanaan pendapatan di samping mempromosikan institusi masing-masing kepada pemegang taruh

ii. Mengasah kemahiran dan keupayaan di kalangan pelajar asasi dan matrikulasi dalam pelbagai bidang.

iii. Memupuk sifat-sifat kepimpinan, profesionalisme dan semangat kerja berpasukan dalam diri pelajar.

iv. Menggalakkan pelajar membabitkan diri dalam aktiviti sukan, debat, pantun dan inovasi yang dapat membentuk mahasiswa yang bukan sahaja cerdas mental, fizikal, berdaya saing, tahan lasak dan kreatif.

v. Merapatkan hubungan silaturrahim di antara para peserta dalam kalangan pelajar Asasi Universiti Awam dan Matrikulasi melalui pertandingan yang diadakan.

vi. Mewujudkan jaringan intervasiti dalam kalangan pelajar Asasi dan Matrikulasi serta dapat meluaskan jaringan hubungan universiti awam/matrikulasi

(I) DEBAT INTER-ASASI UNIVERSITI AWAM (2023)







PERTANDINGAN ANTARA ASASI MALAYSIA

PUSAT ASASI STEM, UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

(II) PERTANDINGAN INOVASI INTER-ASASI MATRIKULASI (PIITRAM2023)









PERTANDINGAN ANTARA ASASI MALAYSIA

PUSAT ASASI STEM, UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

(III) PERTANDINGAN SUKAN ASASI MALAYSIA (SAM2023)









PERTANDINGAN ANTARA ASASI MALAYSIA

PUSAT ASASI STEM, UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

(IV) FESTIVAL PANTUN ANTARA ASASI (FANTASI2023)



BENGKEL SEMAKAN KURIKULUM PUSAT ASASI STEM

PUSAT ASASI STEM, UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

4 Jan 2023: Satu Bengkel Semakan Kurikulum telah dianjurkan oleh Pusat Asasi STEM bertempat di Bilik Seminar 1 bangunan UMTCC. Bengkel yang disertai oleh 20 orang Pensyarah Pintar Pusat Asasi STEM (PASTEM) yang mewakili semua subjek teras Matematik, Kimia, Biologi dan Fizik bersama beberapa orang pegawai admin diadakan bertujuan untuk mengemaskini serta menyusun kembali konten-konten dalam sillibus subjek masing-masing agar kekal relevan dengan keperluan semasa untuk program Ijazah Sarjana Muda di Universiti Malaysia Terengganu (UMT). Program ini bermula pada pukul 8.30 pagi dan tamat pada pukul 5.00 petang.







LAWATAN PENANDA ARAS KE PUSAT ASASI UIA GAMBANG DAN KOLEJ MATRIKULASI PAHANG

PUSAT ASASI STEM, UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

5-6 Januari 2023: Lawatan ini bertujuan untuk berkongsi serta memperbaiki mutu perkhidmatan yang sedia ada, sekaligus meningkatkan keberkesanan perkhidmatan untuk semua pihak.











STEM CHALLENGE ANJURAN KELAB BLASTEMA

SITI ZAIRYN BINTI FAKUROL RODZI

14 Januari 2023: *STEM Challenge* adalah satu program anjuran kelab pelajar @Blastema yang sepenuhnya diuruskan oleh pelajar. Ia diadakan untuk memeri pendedahan pelajar dalam menganjurkan sesuatu program. Melalui aktiviti yang djalankan, ia telah berjaya mempupuk semangat berpasukan, budaya hidup sihat serta menjadikan pelajar lebih yakin dalam menjadi *leader* kepada rakan-rakan yang lain. Pada 14 Jan 2023 program ini telah dilaksanakan dengan jayanya.







SESI PERKONGSIAN PINTAR ASASI STEM (PASTEM) BERSAMA PEGAWAI KANAN JABATAN PENDIDIKAN NEGERI (JPN) DARI SELURUH MALAYSIA

FARAH NAJIHAH BINTI RAZALI

30 Januari 2023: Sesi Perkongsian Pintar Pusat Asasi STEM (PASTEM) bersama Pegawai Kanan Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dari seluruh Malaysia pada 30 Jan 2023, bertempat di Dewan Persidangan 1, UMT Convention Centre. Sesi perkongsian ini sebagai satu langkah membina jaringan antara PASTEM dan JPN seluruh Malaysia dan ia juga dapat membantu PASTEM dalam mempromosikan program Asasi secara tidak langsung.











PROGRAM SENAMROBIK DAN SESI RAMAH MESRA WARGA PASTEM BERSAMA TNC HEPA

NOOR FARAHANI BT MOHD LAZIM

23 Februari 2023: Program ini adalah satu program yang diadakan bagi menggalakkan warga Pusat Asasi STEM mengamalkan gaya hidup yang sihat. Penglibatan warga PASTEM yang terdiri dari warga pelajar dan staf, juga dengan kehadiran Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) menyemarakkan lagi program yang diadakan pada 23 Februari 2023 yang lalu.









JAMUAN RAYA PASTEM

NORIZAN ISMAIL

18 Mei 2023: Program ini telah diadakan pada 18 Mei 2023, bertempat di Bangunan pentadbiran dengan disertai oleh staf dan para pelajar. Suasana yang sungguh meriah serta ceria jelas terpampang di wajah masing-masing di samping pelbagai juadah hidangan yang lazat telah disediakan oleh staf PASTEM bagi menjamu para pelajar serta tetamu yang hadir. Program ini secara tidak langsung, menjalinkan ukhwah dan mengeratkan hubungan di kalangan warga staf dan pelajar PASTEM.











STEMLYMPICS ANJURAN KELAB BLASTEMA

PUSAT ASASI STEM, UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

19 Februari 2023: STEMLYMPICS, segah namanya. Program yang berobjektifkan mebina budaya hidup sihat di kalangan pelajar ini berjaya dilaksanakan dengan penglibatan pelajar Asasi STEM. Pelbagai program dianjurkan dan mendapat sambutan yang sangat menggalakkan dari para pelajar. Program ini juga diadakan untuk mencungkil bakat dan memilih para atlet yang akan mewakili PASTEM ke Pertandingan Sukan Antara Asasi Universiti Awam Malaysia (SAM2023) nanti. Syabas BLASTEMA!!











MAJLIS IFTAR PELAJAR ASASI STEM BERSAMA WARGA (BLASTEMA)

SITI ZAIRYN BINTI FAKUROL RODZI

11 April 2023: Pada 11 April 2023 telah berlangsung Majlis Iftar Pusat Asasi STEM yang melibatkan pelajar dan juga staf. Majlis ini diadakan dengan jayanya hasil sumbangan dari ibubapa dan juga sedikit bayaran dari staf. Warga PASTEM berkumpul beramai-ramai meraikan para pelajar dan menikmati juadah yang disajikan. Program seumpama ini berjaya mengeratkan silaturrahim di kalangan semua dan juga mampu memberi peluang kepada ibubapa mahupun staf beramal di bulan yang mulia.









ENGINEERING PROJECT SHOWCASE DI DATARAN PSNZ

MIMI SYAZWANI SUHAIMI

13 April 2023: Pelajar Asasi STEM melalui mata pelajaran *Engineering* telah mengadakan *showcase* mempamerkan hasil karya masing-masing dalam inovasi kejuruteraan. Aktiviti ini dijadikan sebagai platform untuk para pelajar mengasah *soft skills* dalam menyediakan mereka ke peringkat yang lebih tinggi selepas tamat pembelajaran di Asasi STEM nanti.











PERTANDINGAN OLIMPIAD MATEMATIK KEBANGSAAN OMK 2023

MIMI SYAZWANI SUHAIMI

11 Mei 2023: Sebilangan pelajar Asasi STEM UMT menjadi peserta pertandingan Olimpiad Matematik Kebangsaan OMK 2023 di UMT yang telah dipilih sebagai tuan rumah pertandingan ini.







MINGGU PENYELIDIKAN INOVASI (MPI) DI KOLEJ UNIVERSITI TATI

PUSAT ASASI STEM, UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

29-30 Mei 2023: PASTEM telah menghantar seramai 11 orang pelajar yang mewakili 3 kumpulan inovasi masing-masing bagi menyertai Minggu Penyelidikan Inovasi (MPI) yang berlansung di Kolej Universiti Tati, Chukai Terengganu. Dalam sayembara ini, 3 kumpulan pelajar ni telah berjaya membawa pulang 3 pingat Perak untuk setiap projek inovasi mereka. Tahniah diucapkan kepada para pelajar serta pensyarah yang menyelia projek inovasi ini. Syabas!













CHESS SYMPOSIUM, KLCC

PUSAT ASASI STEM, UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

2-4 Jun 2023: Seramai 8 orang pelajar PASTEM bersama 2 orang pegawai pengiring telah berkampung di Kuala Lumpur City Centre (KLCC) bagi menyertai program Chess Symposium 2023. Program yang berlansung selama 3 hari ini padat dengan pelbagai aktiviti menarik antaranya adalah seperti sesi perkongsian hala tuju kerjaya di masa depan oleh penceramah dan pempengaruh terkenal negara serta pameran inovasi oleh pihak industri dan universiti termasuk pelajar sendiri. Adalah diharapkan program seperti ini diperbanyakkan lagi di masa hadapan memandangkan banyak manfaatnya kepada para pelajar.











RESEARCH DAY PROJECT SCIENCE IN LIFE

DR. SALMAH BINTI MOHD GHAZALI

21 Jun 2023: Subjek 'Sains dalam Kehidupan' mula diperkenalkan pada tahun 2022 di Pusat Asasi STEM, UMT bagi memberi peluang kepada para pelajar yang tidak mengambil subjek Sains seperti Biologi, Kimia dan Fizik semasa diperingkat sekolah menengah untuk sama-sama meneroka bidang tersebut melalui projek inovasi.

Melalui penganjuran Research Day ini, projek inovasi dan idea pelajar diketengahkan yang mana ia secara tidak langsung memberi peluang kepada pelajar meneroka bidang sains yang berkait dengan kehidupan seperti tanaman pokok, bakteria, nutrisi makanan, sistem pengekodan, penghasilan sabun dari bahan semulajadi dan sebagainya. Melalui projek kajian ini juga mereka lebih kreatif untuk meneroka bidang sains dan teknologi dimana ada antara projek kajian mereka boleh diketengahkan sebagai inovasi penyelidikan dengan penggunaan bahan dari bahan terbuang.

Di samping itu, para pelajar juga diterapkan dengan kemahiran berkomunikasi secara saintifik melalui aktiviti pembentangan secara lisan kepada panel bagi penilaian kursus serta berkongsi maklumat projek mereka bersama pelajar sekolah. Melalui aktiviti ini, pelajar dilihat lebih berkeyakinan dalam berdepan dengan masyarakat luar seterusnya dapat membantu dalam meningkatkan minat pelajar sekolah dalam menceburi bidang STEM.









PROGRAM JOM MASUK U-ZON TIMUR

PUSAT ASASI STEM, UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

21 Jun 2023: Penganjuran "JOM MASUK U 2023" bertujuan untuk mempromosi maklumat mengenai program pendidikan yang ditawarkan oleh institusi pendidikan tinggi di bawah KPT yang merangkumi Universiti Awam (UA), Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS), Politeknik, Kolej Komuniti (KK) serta penglibatan Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA). "JOM MASUK U 2023" menyasarkan kumpulan pelajar yang menduduki peperiksaan SPM, STPM, Matrikulasi, Asasi, STAM dan Diploma/Setaraf.

Karnival KPTN yang memasuki edisi ke 17 pada tahun 2023 ini adalah anjuran Jabatan Pengajian Tinggi (JPT). Tujuan penganjuran adalah untuk memberi peluang kepada orang ramai terutama para pelajar dalam mendapatkan maklumat terperinci berkaitan program pengajian yang ditawarkan di semua institusi. Pelajar yang ingin melanjutkan pengajian tinggi mereka adalah disarankan untuk hadir ke Karnival KPTN kerana mereka boleh berjumpa terus dengan wakil-wakil dari universiti dan kolej semasa pameran. Ianya untuk mendapatkan maklumat melanjutkan pengajian, pembiayaan pendidikan dan syarat-syarat kelayakan yang diperlukan. Bagi edisi kali ini, UMT telah dipilih selaku tuan rumah bagi penganjuran program tahunan berprestij ini. Lebih dari 30,000 pengunjung telah hadir ke UMT sepanjang program diadakan. Pelbagai agensi hadir bersama-sama sebagai pempamer.















PASTEM DI MEDIA

PUSAT ASASI STEM, UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU





PASTEM Naib Juara Debat Inter Asasi Universiti Awam 2023

oleh: Prof. Madya Dr. Laili Che Rose
Noor Farahani binti Mohd Lazim
Pusat Asasi STEM

Sekumpulan pelajar Asasi STEM UMT terus memahat sejarah selepas berjaya melangkah ke peringkat akhir Pertandingan Debat Inter Asasi Universiti Awam 2023 dan muncul sebagai naib juara.

Sebanyak 44 pasukan Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu daripada 13 institut pengajian tinggi (IPT) dan matrikulasi seluruh negara, telah bersaing merebut piala pusingan Pertandingan Debat Inter Asasi Universiti Awam 2023. Pertandingan bagi pusingan separuh akhir dan akhir telah berlangsung di Universiti Pertahanan Nasional Malaysia pada 18 dan 19 Februari 2023.

Pusingan akhir kategori Bahasa Inggeris memperlihatkan saingan sengit antara dua pasukan dari Universiti Malaya A dan UMT dengan usul bertajuk 'This House Believes That Parents Should Raise Their Children to Prioritise Collectivism over Individualism'. Meskipun tewas, pencapaian ini adalah cukup besar dan bermakna bagi pendebat UMT yang dibarisi oleh Muhammad Haziq Irfan Azman, Muhammad Adam Kamarul Azman, Muhammad Aiman Syauqi Mohamad Zaini dan Muhammad Hazeezur Abdul Rauf.

"Kemenangan ini adalah satu kejayaan yang istimewa bagi kami namun pengalaman dan perjalanan kami untuk sampai ke tahap ini adalah jauh lebih berharga', kata Muhammad Haziq Irfan.

Pertandingan Debat Inter Asasi Universiti Awam adalah acara tahunan anjuran Majlis Asasi Dekan/Pengarah Asasi Universiti Awam yang menghimpunkan barisan pendebat yang merupakan pelajar Asasi dan Matrikulasi. Ia mula diperkenalkan pada tahun 2020 menggunakan format debat ala parlimen dengan objektif utamanya untuk mengetengahkan bakat, mengasah kemahiran pengucapan awam dan seni orator dalam kalangan pelajar asasi/ matrikulasi.

Sementara itu, Pengarah Majlis Asasi Dekan/Pengarah Asasi Universiti Awam, Prof. Madya Dr. Laili Che Rose, juga merupakan Pengarah di Pusat Asasi STEM UMT berkata pertandingan debat yang sudah memasuki edisi ketiga itu dapat membudayakan amalan berfikir secara kritis dan analitikal dalam kalangan pelajar dan berharap agar penganjuran ini akan diteruskan pada masa akan datang.

Media UMT

Berita H... Sinar H... Bernama Utusan Kosmo Metro New Str... The Star Teganuki...

BERITA HARIAN
www.bharian.com.my

19 Jun 2023

Program baharu UMT pikat pelajar antarabangsa

Kuala Terengganu: Universiti Malaysia Terengganu (UMT) bakal memperkenalkan program baharu dalam usaha menarik lebih ramai pelajar asing ke kampus itu.



Mazlan Abd Ghaffar

Naib Canselor UMT, Prof Datuk Dr Mazlan Abd Ghaffar, berkata penawaran program Asasi STEM Antarabangsa dijangka melonjakkan lagi pencapaian universiti itu pada peringkat global.

Beliau berkata, program baharu yang dijangka mula ditawarkan pada kemasukan Ogos 2023.

"Pengambilan pelajar bagi program Asasi STEM Antarabangsa ini juga akan membantu mereka menyambung mengikuti pengajian sarjana muda dan selanjutnya, di UMT," katanya dalam Majlis Pelancaran Karnival Jom Masuk U Zon Timur yang berlangsung di Dewan Sultan Mizan UMT, baru-baru ini.

Tambah Dr Mazlan, sebelum ini UMT sudah menawarkan beberapa program dua ijazah (dual degree) melalui inisiatif pengantarabangsaan program akademik.

Hingga kini, UMT juga sudah menawarkan pengajian doktor falsafah secara bersama atau 'joint PhD' dengan Ghent University, Belgium selain sedang mengusahakan program dual degree dengan Solent University, United Kingdom.

Media UMT

Kosmo Sinar H... Bernama Utusan Metro New Str... The Star Berita H... Teganuki...

SUARA KONTEMPORARI
Kosmo!

6 Jun 2023

UMT tawar program Asasi STEM Antarabangsa mulai Ogos

KUALA NERUS – Universiti Malaysia Terengganu (UMT) bakal menawarkan program baharu, Asasi Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) Antarabangsa mulai sesi kemasukan 2023/24, Ogos depan.

Naib Canselor UMT, Prof. Datuk Dr. Mazlan Abd. Ghaffar berkata, program STEM Antarabangsa membuka ruang kepada pelajar asing untuk melanjutkan pelajaran di negara ini dari peringkat persediaan lagi.

"Pengenalan program baharu ini membuktikan keupayaan UMT untuk menawarkan kursus berkualiti sesuai dengan kehendak global.

"Pelajar asing yang melepasi program Asasi STEM Antarabangsa bakal ditawarkan melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi bermula dengan Ijazah Sarjana Muda di UMT," katanya di sini semalam.

Program Asasi STEM Antarabangsa memberi fokus kepada asas sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik melibatkan tempoh pembelajaran selama tiga semester iaitu setahun.

Mazlan berkata, program tersebut juga membolehkan UMT melakukan pengambilan pelajar antarabangsa secara terus bermula peringkat persediaan.

Dalam perkembangan sama, beliau berkata, UMT mempunyai beberapa program dwi-sarjana dengan beberapa institusi pengajian tinggi luar negara.

"Setakat ini, UMT telah mempunyai 'Joint PhD' (dwi-Sarjana Doktor Falsafah) bersama Ghent University, Belgium.

"Pelaksanaan 'dwi-sarjana' program bersama-sama Solent University, United Kingdom pula dalam peringkat pelaras peringkat akhir," katanya.



MAZLAN (dua dari kiri) melawat sebuah gerai pameran pada Karnival Jom Masuk U Zon Timur di UMT, Kuala Nerus semalam.

PASTEM DI MEDIA

PUSAT ASASI STEM, UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

Terokai Bidang STEM

STEM Boot Camp Tarik Lebih 2000 Peserta





Mata pelajaran STEM merupakan mata pelajaran yang digeruni dan kurang mendapat sambutan dalam kalangan pelajar. Menyedari hakikat ini, buat julung kalinya Persatuan STEM Kebangsaan Cawangan Negeri Terengganu telah diberikan mandat untuk memperkasakan STEM dalam kalangan murid sekolah melalui program Terengganu Peers STEM Coaching Boot Camp yang telah diadakan pada 9 hingga 10 September 2022.

Program ini diadakan bertujuan untuk memperluaskan akses pembelajaran STEM kepada komuniti luar bandar terutamanya keluarga yang berpendapatan rendah, memperkasakan bidang STEM di negeri Terengganu dan demi menggalakkan murid memilih bidang STEM untuk peringkat seterusnya.

Program yang berlangsung di UMT dan UniSZA ini menerima penyertaan daripada 15 buah sekolah elit dan 60 buah sekolah harian dengan penyertaan melebihi 2000 orang murid tingkatan tiga dari seluruh daerah di negeri Terengganu.

Program Terengganu Peers STEM Coaching Boot Camp 2022 adalah merupakan satu program pemindahan ilmu yang dijalankan antara pelajar universiti kepada murid sekolah. Program pemindahan ilmu ini melibatkan dua fasa dengan fasa pertama melibatkan pelajar universiti menjadi mentor kepada murid sekolah elit.

Murid sekolah elit ini yang menjadi mentee ketika fasa pertama akan bertukar peranan sebagai mentor dalam fasa kedua. Pada fasa kedua ini, murid sekolah elit akan memindahkan ilmu kepada murid sekolah harian.

Melalui kaedah ini, proses pemindahan ilmu yang berlaku dalam kalangan murid sekolah elit dan harian akan dapat dilihat. Dari segi pembahagian kumpulan, murid sekolah elit dibahagikan mengikut modul STEM yang telah dipelajari seperti Modul STEM Kelautan, Modul STEM Kesihatan, Modul Eksplorasi STEM, Modul STEM Kreativiti dan Inovasi dan Modul STEM Robotik. Manakala sekolah harian dibahagikan kepada lima kumpulan iaitu Kumpulan A, B, C, D dan E.

Menerusi program ini, para guru dan murid mengharapkan ia akan diadakan pada setiap tahun kerana program ini terbukti dapat menyuntik kesedaran dan minat kepada bidang STEM.







Media UMT

Sinar H... | Bernama | Utusan | Kosmo | Metro | New Str... | The Star | Berita H... | Teganuki...

Sinar harian — suara cakna komuniti anda

6 Jun 2023

Asasi STEM Antarabangsa program baharu UMT

SHAH ALAM - Universiti Malaysia Terengganu (UMT) menawarkan program baharu iaitu Asasi STEM Antarabangsa yang bersifat lebih terbuka dalam usaha menarik lebih ramai pelajar asing ke kampus itu.

Naib Canselor UMT, Profesor Datuk Dr Mazlan Abd Ghaffar berkata, penawaran program berkenaan secara tidak langsung dapat melonjakkan lagi pencapaian universiti di peringkat global.

"Dengan penawaran program baharu ini, ia membuktikan keupayaan UMT berada pada kedudukan terbaik setakat ini.

"Pengiktirafan tersebut bakal membuka peluang kepada pelajar luar negara, penuntut asing dalam negara dan mahasiswa Malaysia yang berada di luar negara juga tempatan untuk mengikuti pengajian bertaraf antarabangsa di UMT," katanya dalam satu kenyataan pada Isnin.

Tambah Mazlan, program tersebut dijangka ditawarkan pada kemasukan Ogos 2023.

Jelas beliau, pengambilan pelajar bagi Asasi STEM Antarabangsa tidak terhenti di situ, malah mahasiswa berkenaan juga ditawarkan untuk mengikuti pengajian sarjana muda dan ke peringkat yang lebih tinggi di UMT.

Beliau turut memaklumkan universiti itu telah menawarkan beberapa program dwi ijazah.

"Setakat ini, UMT telah mempunyai Joint PhD bersama Ghent University, Belgium dan kini kerja-kerja pelarasan di peringkat akhir bagi pelaksanaan dwi ijazah program bersama-sama Solent University, United Kingdom," ujarnya.



UMT menawarkan program baharu iaitu Asasi STEM Antarabangsa yang akan ditawarkan pada kemasukan Ogos 2023.

PRA-PERTANDINGAN INOVASI INTER-ASASI MATRIKULASI (PRA-PIITRAM 2023) JABATAN PERSEDIAAN SAINS UMK KAMPUS JELI

DR. HJH. MARINAH BINTI MUHAMMAD

31 Januari 2023: Buat julung kalinya Jabatan Persediaan Sains UMK (JPSU) telah menganjukan Pra-Pertandingan Inter-Asasi Matrikulasi (Pra-PIITRAM2023). Pra-PIITRAM ini diadakan dengan tujuan memperkenalkan serta memilih projek-projek yang telah dihasilkan oleh pelajar-pelajar asasi sains UMK untuk dibawa ke Pertandingan Inovasi Inter-Asasi Matrikulasi yang juga dikenali sebagai *Pre-University Matriculation Innovation Competition* (PIITRAM2023). Sebanyak lima projek inovasi telah dibangunkan dalam Pra-PIITRAM ini, iaitu:

1) *Plant Disease Deficit Notify System*;
2) *FS Flood Detector*;
3) *Smart Lab System*;
4) *Smart Waste Management*;
5) *Ultra Fogging*.

Melalui Pra-PIITRAM ini, JPSU telah melihat kesungguhan para pelajar dalam membangunkan projek-projek inovatif. Oleh itu, ahli jawatankuasa Pra-PIITRAM dan juri telah bersetuju untuk menghantar kelima-lima projek inovasi ini ke PIITRAM2023. Setiap komen dan nasihat yang diberikan oleh mentor, juri, dan pensyarah telah diambil kira bagi meningkatkan lagi kualiti projek-projek yang telah dihasilkan.

Pra-PIITRAM 2023 ini merupakan langkah awal yang amat penting dalam memberi peluang kepada pelajar asasi sains UMK untuk menerapkan kreativiti dan kemahiran inovatif mereka. JPSU berharap agar melalui Pra-PIITRAM ini, projek-projek inovasi ini akan memperoleh kejayaan dalam PIITRAM kelak.



Universiti Malaysia KELANTAN | PUSAT PENGAJIAN ASASI UMK

PERTANDINGAN INOVASI INTER-ASASI MATRIKULASI 2023 (PIITRAM 2023)

DR. RIZKI WANNAHARI

17-18 Februari 2023: Pertandingan Inovasi Inter-Asasi Matrikulasi 2023 atau dikenali sebagai *Pre-Universitiy Matriculation Innovation Competition 2023* (PIITRAM2023) telah berlangsung pada 17-18 Februari 2023 di Universiti Putra Malaysia, Selangor. Jabatan Persediaan Sains UMK (JPSU) telah menghantar lima kumpulan bagi kategori Pelajar Sains dan Teknologi dan dua kumpulan bagi kategori Akademik. Penyertaan ini merupakan yang pertama kali dan secara keseluruhannya UMK berjaya meraih dua pingat emas, empat pingat perak dan satu pingat gangsa. Dua pingat emas, dua pingat perak dan satu pingat gangsa adalah daripada kategori Pelajar Sains dan Teknologi, manakala dua pingat perak adalah kategori Akademik.

Inovasi yang berjaya memenangi pingat emas adalah *FloFEWS: Smart Flood Forecasting and Early Warning System* (mentor: Dr. Hjh. Marinah binti Muhammad) dan *SCaS – Smart Cage System* (mentor: Dr. Rizki Wannahari). Pingat perak dimenangi oleh inovasi *Plant Sense: An Early Warning System for Plant Health Monitoring* (mentor: Ts. Dr. Noor Janatun Naim Jemali), *UMK busKnow Apps* (mentor: Dr. Wong Hie Ling), *eMATH – Learning Math using Interactive Mobile Application* (ketua projek: Dr. Hjh. Marinah binti Muhammad), dan *SAGA-GIS: an alternative technique for landslide observation* (ketua projek: Ts. Dr. Noor Janatun Naim binti Jemali). Pingat gangsa dimenangi oleh inovasi *Smart Sorter Pro* (mentor: Dr. Aainaa Syazwani bt Mohammad Amir Hamzah).

Diharapkan penyertaan program ini boleh memberi impak yang baik dari segi pengenalan dan pemahaman pelajar asasi terhadap dalam bidang inovasi dan reka cipta berteraskan Sains, Teknologi, Kejuruteraan, dan Matematik (STEM) dan juga sebagai platform kepada pelajar dan pengajar Asasi Universiti Malaysia Kelantan untuk mengetengahkan dan berkongsi idea inovasi kepada warga asasi dan matrikulasi Malaysia.











PERTANDINGAN DEBAT INTER-ASASI UNIVERSITI AWAM 2023 CUNGKIL BAKAT PELAJAR ASASI SAINS UMK

FAIZATUL NADIA BINTI MOHD TAHIR

10-12 Februari 2023: Telah berlangsung Pertandingan Debat Inter-Asasi Universiti Awam 2023 yang telah dianjurkan oleh Pusat Asasi Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) pada 10 hingga 12 Februari 2023 secara dalam talian. Sehubungan dengan itu, pelajar dari Jabatan Persediaan Sains UMK (JPSU) telah mengambil bahagian dalam dalam Pertandingan Debat Inter-Asasi Universiti Awam. JPSU telah menghantar dua pasukan debat yang terdiri daripada satu pasukan debat Bahasa Melayu dan satu pasukan debat Bahasa Inggeris. Buat julung kalinya para pendebat Asasi Sains UMK berdepan dengan pasukan yang kebanyakannya mempunyai pengalaman berdebat yang lebih lama, namun tidak mematahkan semangat para pendebat dalam melontarkan hujah yang bernas dan kritis sepanjang pertandingan berlangsung.

Justeru itu, para pendebat saling memperluas sudut pandang yang berbeza berserta buah fikiran yang bernas. Secara tidak langsung, para pelajar mampu memperoleh solusi alternatif yang bervariasi dari sebuah permasalahan. Seiring dengan kecemerlangan akademik untuk mendepani cabaran masa kini, hampir kesemua universiti dan pusat institusi termasuk Universiti Malaysia Kelantan (UMK) memberi penekanan terhadap aspek pembangunan kemahiran insaniah bagi melahirkan individu berketerampilan. Melalui aktiviti debat di universiti, ianya merupakan wadah terbaik untuk mengasah pemikiran dan bakat mahasiswa yang cakna akan isu semasa. Selain itu juga, para pelajar mempunyai keberanian dalam mengungkapkan pendapat, melatih berfikir secara kreatif dan kritis.

Bagi kategori Bahasa Melayu, pasukan UMK telah menewaskan Kolej Matrikulasi Kedah pada pusingan ketiga, manakala Pendebat Terbaik disandang oleh peserta UMK bagi keempat-empat pusingan. Manakala bagi kategori Bahasa Inggeris pula, pasukan UMK memenangi pusingan keempat menentang pasukan UPNM B dan Pendebat Terbaik bagi pusingan keempat disandang oleh peserta UMK. Walaupun kedua pasukan tidak dapat ke pusingan suku akhir, namun para peserta telah lakukan yang terbaik di samping menerapkan kemahiran insaniah yang holistik dalam diri.

Syabas dan tahniah diucapkan kepada semua pasukan Asasi Sains, UMK yang terlibat dan semoga terus maju jaya untuk masa akan datang.








BENGKEL MUET: *TIPS AND TRICKS* ASASI UMK SESI AKADEMIK II 2022/2023


MUHAMMAD FAKHRULLAH ZULKIPLI

25 Februari & 1 April 2023: Seramai 258 orang pelajar dari program Asasi Sains UMK telah menyertai Bengkel MUET: *Tips And Tricks* bagi Asasi UMK Sesi Akademik II 2022/2023. Bengkel berkenaan diadakan untuk memberi pendedahan kepada para pelajar Asasi UMK yang akan mengambil peperiksaan *Malaysian University English Test* (MUET) untuk sesi pertama bagi tahun 2022/2023.

Bengkel ini telah diadakan sepenuhnya dalam talian melalui pautan *Microsoft Teams*. Sepanjang bengkel tersebut, pelajar telah diberi penerangan tentang cara-cara untuk menjawab kertas peperiksaan MUET dengan secara berkesan. Seramai enam orang pensyarah dari Fakulti Bahasa dan Pembangunan Insan (FBI), UMK Kampus Bachok telah dilantik sebagai tenaga pengajar. Bengkel MUET ini telah diadakan selama 2 hari iaitu pada 25 Februari 2023 bagi bengkel kertas *Writing*, *Listening* dan *Reading* dan 8 April 2023 untuk kertas *Speaking*. Para pelajar Asasi UMK mengambil peperiksaan MUET pada 1 April 2023 bagi kertas *Writing*, *Listening* dan *Reading*,manakala untuk kertas *Speaking*, ia berlangsung antara 8 Mei hingga 18 Mei 2023. Peperiksaan MUET untuk pelajar Asasi UMK telah diadakan di UMK Kampus Jeli.







PERKASA WARISAN MELAYU ASLI MELALUI PERTANDINGAN FESTIVAL PANTUN ANTARA ASASI (FANTASI)

FAIZATUL NADIA BINTI MOHD TAHIR

3-5 Mac 2023: Jabatan Persediaan Sains UMK (JPSU) telah mengambil bahagian dengan menghantar satu pasukan pantun dalam Pertandingan Festival Pantun Antara Asasi (FANTASI) 2023 yang diadakan di Pusat Asasi UiTM Cawangan Selangor Kampus Dengkil. Festival Pantun diadakan selama tiga hari bermula pada 3 Mac hingga 5 Mac 2023. Sebanyak 21 pasukan dari universiti awam dan dua buah kolej matrikulasi telah menyertai pertandingan ini dengan Kerjasama Dewan Bahasa Dan Pustaka (DBP).

Bagi ketiga-tiga pusingan, pasukan dari Asasi Sains UMK telah memenangi dengan menewaskan pasukan dari pasukan UIA B, pasukan USIM dan UiTM B seterusnya melayakkan peserta ke peringkat suku akhir. Namun, pasukan UMK tidak berjaya untuk ke peringkat separuh akhir menentang UiTM B dengan jumlah perbezaan mata yang sangat tipis. Pemantun Terbaik setiap saringan dan suku akhir disandang oleh pemantun dari pasukan UMK. Secara keseluruhan, pasukan UMK mendapat tempat keenam daripada 21 pasukan yang bertanding.

Melalui program sebegini, pelajar didedahkan dengan budaya tradisional Melayu secara tidak langsung melalui keindahan, kehalusan dan keunikan pantun agar tidak ditelan zaman. Seterusnya, penerapan nilai murni dapat dipraktikkan dalam kehidupan seharian dan mereka sudah pasti berbangga dengan warisan tinggalan budaya dan bangsa serta kekayaan bahasa Melayu tradisional agar terus terpelihara supaya tidak pupus dek kemodenan dunia.

Majlis Perasmian Penutup FANTASI2023 telah dirasmikan oleh Pengarah Jabatan Pengembangan Bahasa Dan Sastera DBP, Tuan Haji Mohd Salahuddin Dato' Paduka Mohamed. Turut hadir dalam majlis tersebut adalah Pengerusi Majlis Dekan/ Pengarah Asasi Universiti Awam Prof. Madya Dr. Laili Rose dan Pengarah Pusat Asasi UiTM Cawangan Selangor, Kampus Dengkil, Prof. Ir. Dr. Ahmad Farid Abidin.









PENYERTAAN PUSAT ASASI UMK KE KEJOHANAN SUKAN ASASI MALAYSIA (SAM) KE-5 2023

MUHAMMAD FAKHRULLAH ZULKIPLI

17-19 Mac 2023: Pada 17 hingga 19 Mac 2023 telah berlangsung Kejohanan Sukan Asasi Malaysia (SAM) 2023 yang diadakan di Pusat Asasi Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (CFSIIUM) Gambang, Kuantan. Seramai 59 orang ahli kontinjen Pusat Asasi UMK (UMK-AsCent) telah menyertai pelbagai acara termasuk bola tampar, olahraga, futsal dan bola keranjang. Kejohanan sukan antara-asasi merupakan kejohanan sukan tahunan yang disertai oleh asasi-asasi Universiti Awam (UA) di seluruh Malaysia. Kejohanan ini merupakan kejohanan sukan antara-asasi yang pertama yang disertai oleh kontinjen Pusat Asasi UMK. Para atlet Asasi UMK telah memulakan latihan mereka seawal 3 bulan dari tarikh acara berlangsung. Meskipun kontinjen Asasi UMK tidak berjaya membawa pulang apa-apa pingat untuk kejohanan kali ini, ia merupakan suatu pengalaman yang berharga untuk para pelajar dan Pusat Asasi UMK. Syabas dan tahniah diucapkan kepada para-para atlit Pusat Asasi UMK atas kesungguhan dan komitmen yang diberikan sepanjang tempoh latihan dan acara berlangsung.













YOUTH INNOVATOR COMMUNITY NETWORK 2023

DR. MOHAMAD JOHARI BIN ABU

13 April 2023: Pusat Pengajian Asasi Universiti Malaysia Kelantan (UMK-AsCent) telah berjaya menganjurkan program Youth Innovator Community Network 2023 (Youth ICoN2023) pada 13 April 2023. Program Youth ICoN2023 kali ke-2 diadakan dan berjalan dalam suasana meriah apabila disertai oleh 566 peserta dari pelbagai institusi pengajian di seluruh negeri Kelantan. Majlis disempurnakan oleh Timbalan Naib Cancelor (Akademik & Antarabangsa) UMK, YBhg. Prof. Dr. Nik Maheran binti Nik Muhammad itu berlangsung di Dewan Utama, UMK Kampus Jeli dan dihadiri kira-kira 300 tetamu jemputan terdiri daripada Prof. Emeritus Dato' Dr. Hj. Ibrahim Che Omar, Ketua Jabatan JPSU Dr. Hjh. Marinah binti Muhammad, wakil Pejabat Pendidikan Daerah negeri Kelantan YBrs. En. Sazali Ibrahim, dekan-dekan fakulti UMK, tenaga pengajar Matrikulasi Kelantan, guru-guru kaunseling dan sains sekolah menengah dan rendah di Jajahan Jeli dan Tanah Merah serta pelajar sekolah dan institusi pengajian tinggi.

Program kali ini menyaksikan 79 inovasi baharu dipertandingkan dan dibahagikan kepada tiga ketegori iaitu pra-universiti, sekolah menengah dan rendah. Salah satu kumpulan dari UMK-AsCent telah dinobatkan penerima anugerah inovasi terbaik peringkat pra-univerisiti kerana mencipta alat Eco-Aroma Cooler yang boleh digunakan sebagai penyaman udara berserta dengan wangian penyegar. Peringkat sekolah menengah dan rendah pula masing-masing dimenangi oleh SMK Putri Saadong (D'Tamrah) dan SK Jeram Tekoh (Water Grav). Sementara itu, Ketua Jabatan JPSU Dr. Hjh. Marinah binti Muhammad dalam ucapannya berkata, program Youth ICoN2023 kali ini akan menjadi perintis untuk menjadikannya sebagai acara tahunan di masa hadapan dengan penyertaan sehingga ke peringkat kebangsaan.







MyFutureAcademicJourney@UMK

DR. WONG HIE LING, DR. SITI AISYAH BINTI NAWAWI, DR. AAINAA SYAZWANI BT MOHAMAD AMIR HAMZAH, DR. HJH. MARINAH BINTI MUHAMMAD

20 Mac–15 April 2023: Pusat Pengajian Asasi Universiti Malaysia Kelantan (UMK-AsCent) telah menganjurkan program *MyFutureAcademicJourney@UMK* dengan kerjasama bersama lima fakulti di Universiti Malaysia Kelantan (UMK), iaitu Fakulti Industri Asas Tani, Fakulti Biokejuruteraan dan Teknologi, Fakulti Sains Bumi, Fakulti Senibina dan Ekistik dan Fakulti Perubatan Veterinar.

Program ini telah melibatkan seramai 258 pelajar Program Asasi Sains UMK sesi akademik 2022/2023 dengan tujuan utamanya mendedahkan para pelajar terhadap laluan akademik di peringkat prasiswazah UMK, di mana pelajar diberi peluang untuk membuat pilihan antara 12 Program Ijazah Sarjana Muda Dengan Kepujian pada hujung sesi akademik II. Lawatan secara fizikal ini juga dilihat penting untuk memberi motivasi dan dorongan kepada para pelajar bagi meningkatkan kecemerlangan diri dalam akademik, di samping boleh mengenali persekitaran fakulti dan kampus.











PEMANTAPAN KEMAHIRAN BERBAHASA MELALUI MINGGU BAHASA ASASI SAINS (BAHAS 1.0)

FAIZATUL NADIA BINTI MOHD TAHIR

2-6 Mei 2023: Telah berlangsungnya Minggu Bahasa 1.0 (BAHAS 1.0) bermula pada 2 Mei sehingga 6 Mei 2023 yang lalu. Manakala, majlis perasmian penutup Minggu Bahasa 1.0 (BAHAS 1.0) anjuran bersama Pusat Pengajian Asasi Universiti Malaysia Kelantan (UMK-AsCent) telah diadakan pada 9 Mei 2023 yang turut dihadiri oleh para pensyarah dan kaki tangan UMK-AsCent berserta 256 orang pelajar UMK-AsCent.

Majlis penutup ini telah dirasmikan oleh Dr. Aainaa Syazwani bt Mohamad Amir Hamzah, Penyelaras Program Asasi Sains di UMK-AsCent, yang mewakili Dr. Hjh. Marinah binti Muhammad, Ketua Jabatan di UMK-AsCent. Pada masa yang sama, turut diadakan Majlis Hari Raya UMK-AsCent sempena Hari Raya baru-baru ini.

Para pelajar membuat persembahan dalam dalam Bahasa Inggeris, Bahasa Mandarin dan Bahasa Arab mengikut kreativiti masing-masing. Hal ini bertujuan untuk memberi ruang dan pendedahan kepada pelajar Asasi untuk berekspresi melalui medium bahasa yang dipelajari dengan menggunakan platform terkini dengan lebih menarik dan bermanfaat. Antara persembahan yang dipersembahkan oleh para pelajar pada majlis penutup ialah nyanyian, pidato, lakonan, deklamasi puisi dan koir menggunakan tiga bahasa.

Bahasa asing bukan sahaja berfokuskan kepada pembelajaran di dalam kelas, bahkan mampu diperluaskan skop pembelajaran yang boleh dikembangkan pada situasi dan platform yang bersesuaian dengan peredaran zaman. Tambahan pula, kecenderungan minat pelajar masa kini banyak beralih kepada teknologi seperti pembikinan video, temuramah dan penghasilan karya yang sudah pasti lebih menarik, santai dan kreatif.

Justeru, program ini dapat membantu pelajar untuk mengaplikasi kemahiran berbahasa dengan lebih kreatif seterusnya memberi nilai tambah kepada pelajar untuk menambah keyakinan diri untuk berbahasa asing dengan yakin dan cekap.











PROGRAM ASPer *CAREER GUIDANCE*

SHAERIN AZLIN AB RAHMAN, HASNIAH HAMID

7 Februari 2023: Program *ASPer Career Guidance* telah diadakan pada 7-8 Februari 2023, jam 8:00-10:00 malam bertempat di Dewan Putra 1, Kolej Tan Sri Aishah Ghani (KTAG), UPM. Penganjuran program ini telah berjaya memberi bimbingan dan maklumat kepada pelajar asasi khasnya tentang kepentingan dalam membuat perancangan kerjaya seawal sebelum meneruskan pengajian ke peringkat Sarjana Muda. Melalui program ini juga pelajar lebih berkeyakinan dan berpengetahuan untuk memilih jurusan yang bersesuaian dengan minat dan kekuatan diri yang dimiliki agar dapat menyesuaikan keselarasan di antara minat kerjaya dan persekitaran kerja. Laporan analisis kajian selidik kecenderungan kerjaya pelajar asasi juga telah dibuat oleh Bahagian Kaunseling (BK) UPM di mana 208 pelajar asasi telah mengambil bahagian menjawab Soalan Inventori Minat Kerjaya Sidek (IMKS) semasa program berlangsung. Skala pengukuran IMKS adalah berdasarkan kepada maklumat di bawah:

Bil.	IMKS	Skala
1.	Individu mempunyai kemahiran etletik atau mekanikal.	Realistik (R)
2.	Individu suka membuat pemerhatian, penyelidikan, analisis dan menyelesaikan masalah. Mempunyai kemahiran saintifik dan matematik.	Investigatif (I)
3.	Individu mempunyai kebolehan artistik dan inovatif. Banyak menggunakan imaginasi dan kreativiti.	Artistik (A)
4.	Individu suka berinteraksi dengan manusia dan membuat kebajikan. Mempunyai kemahiran berkomunikasi.	Sosial (S)
5.	Individu mempunyai minat mempengaruhi, mengarah, memimpin dan mengurus individu lain serta mahir memanipulasi orang lain.	Enterprising (E)
6.	Individu suka bekerja dengan data dan nombor. Mempunyai kemahiran dalam bidang perkeranian, melakukan sesuatu dengan terperinci.	Conventional (C)



PROGRAM *PRE-UNIVERSITY MATRICULATION INNOVATION COMPETITION 2023* (PIITRAM2023)

PROF. MADYA DR. MOHAMAD AMRAN MOHD SALLEH, PROF. MADYA CHM.
DR. SITI NURUL AIN MD. JAMIL, SHAERIN AZLIN AB RAHMAN

17-18 Februari 2023: *Pre-University Matriculation Innovation Competition* 2023 (PIITRAM2023) telah berlangsung pada 17-18 Februari 2023. Pada 18 Februari 2023, YBhg. Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UPM, Prof. Dr. Ismi Arif Ismail telah merasmikan Pertandingan PIITRAM2023 di Dewan Besar Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PKKSSAAS UPM). PIITRAM2023 merupakan platfom yang terbaik dalam membangunkan dan mempamerkan bakat pelajar asasi dan matrikulasi dalam inovasi dan kreativiti berasaskan Sains, Teknologi, Kejuruteraan, Seni, dan Matematik (STEAM), selaras dengan transformasi pendidikan negara, yang kini menitikberatkan pendidikan STEAM untuk melahirkan modal insan yang berkemahiran dan inovatif. Secara keseluruhan, 29 institusi telah menyertai PIITRAM2023 sekaligus mencatat 352 penyertaan termasuk 200 penyertaan fizikal dan 152 dalam talian. Pelajar Asasi UPM juga telah menjalankan Program Pemindahan Ilmu STEAM *Clinics*. Program STEAM *Clinics* bertujuan untuk menyampaikan pengetahuan kepada peserta dan pengunjung PIITRAM2023 melalui enam klinik dengan topik khusus. Acara kemuncak PIITRAM2023 merupakan majlis makan malam yang telah diadakan di Dewan Bankuet UPM pada 18 Februari 2023 (Sabtu) jam 8:00 malam. Ucapan penutup telah disampaikan oleh YBhg. Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), YBhg. Prof. Dr. Arifin Abdu.









PROGRAM *PRE-UNIVERSITY MATRICULATION INNOVATION COMPETITION 2023* (PIITRAM2023)

PROF. MADYA DR. MOHAMAD AMRAN MOHD SALLEH, PROF. MADYA CHM.
DR. SITI NURUL AIN MD. JAMIL, SHAERIN AZLIN AB RAHMAN

Bil	Institusi	Jumlah Penyertaan		Keputusan
		Fizikal	Maya	
1.	Universiti Putra Malaysia (UPM)	27	6	Emas (8) , Perak (13) , Gangsa (12)
2.	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)	21	8	Emas (3) , Perak (15) , Gangsa (11)
3.	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)	6	1	Emas (2) , Perak (2) , Gangsa (3)
4.	Universiti Malaya (UM)	18	0	Emas (7) , Perak (4) , Gangsa (7)
5.	Universiti Malaysia Kelantan (UMK)	6	1	Emas (2) , Perak (4) , Gangsa (1)
6.	Universiti Malaysia Sabah (UMS)	-	9	Emas (2) , Perak (3) , Gangsa (4)
7.	Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)	2	7	Emas (4) , Perak (3) , Gangsa (2)
8.	Universiti Malaysia Terengganu (UMT)	7	1	Emas (3) , Perak (3) , Gangsa (2)
9.	Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)	4	19	Emas (6) , Perak (6) , Gangsa (11)
10.	Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)	17	2	Emas (3) , Perak (8) , Gangsa (8)
11.	Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)	10	4	Emas (5) , Perak (7) , Gangsa (2)
12.	Universiti Teknologi Mara (UiTM)	12	3	Emas (8) , Perak (5) , Gangsa (2)
13.	Universiti Utara Malaysia (UUM)	3	8	Emas (4) , Perak (5) , Gangsa (2)
14.	Kolej MARA Kuala Nerang (KMKN)	1	-	Emas (0) , Perak (1) , Gangsa (0)
15.	Kolej MARA Kulim (KMKulim)	4	2	Emas (3) , Perak (2) , Gangsa (1)
16.	Kolej Matrikulasi Johor (KMJ)	7	5	Emas (5) , Perak (4) , Gangsa (3)
17.	Kolej Matrikulasi Kedah (KMK)	-	3	Emas (1) , Perak (1) , Gangsa (1)
18.	Kolej Matrikulasi Kejuruteraan Johor (KMKJ)	1	-	Emas (0) , Perak (1) , Gangsa (0)
19.	Kolej Matrikulasi Kejuruteraan Pahang (KMKPh)	4	1	Emas (3) , Perak (1) , Gangsa (1)
20.	Kolej Matrikulasi Kelantan (KMKt)	3	9	Emas (2) , Perak (5) , Gangsa (5)
21.	Kolej Matrikulasi Labuan (KML)	-	21	Emas (7) , Perak (10) , Gangsa (4)
22.	Kolej Matrikulasi Melaka (KMM)	3	-	Emas (1) , Perak (1) , Gangsa (1)
23.	Kolej Matrikulasi Negeri Sembilan (KMNS)	13	2	Emas (2) , Perak (9) , Gangsa (4)
24.	Kolej Matrikulasi Pahang (KMPh)	3	2	Emas (1) , Perak (3) , Gangsa (1)
25.	Kolej Matrikulasi Perak (KMPk)	12	36	Emas (15) , Perak (22) , Gangsa (11)
26.	Matrikulasi Perlis (KMP)	5	1	Emas (2) , Perak (2) , Gangsa (2)
27.	Kolej Matrikulasi Pulau Pinang (KMPP)	2	-	Emas (1) , Perak (1) , Gangsa (0)
28.	Kolej Matrikulasi Selangor (KMS)	8	1	Emas (3) , Perak (4) , Gangsa (2)
29.	Bahagian Matrikulasi KPM	1	-	Emas (1) , Perak (0) , Gangsa (0)
	Jumlah Keseluruhan	**200**	**152**	

Selain itu, Program Pemindahan Ilmu STEAM *Clinics* telah diadakan dan dikelolakan oleh pelajar asasi UPM. Program STEAM *Clinics* bertujuan untuk aktivtiti pemindahan ilmu kepada peserta dan pengunjung PIITRAM2023 di mana (6) klinik dengan pengkhususan topik telah disediakan seperti di bawah:

Bidang	Topik	Penyelaras Klinik
Kimia	*Rainbow Cabbage Dyes*	Pn. Noor Hidayu Aris
Fizik	*Optic Illusion*	Dr. Emma Zizie Tarmizi
Biologi	*World Through Microscope*	Dr. Nur Akmal Ishak
Pertanian	*Urban Farming*	En. Azham Mohamad
Matematik	*Exploring Patterns in Pascal's Triangle*	En. Ahmad Nazri Mohamad Som
Bahasa Inggeris	*Lexical Strike*	Pn. Ardini Zalikha Nordin

PROGRAM *MY FUTURE JOURNEY*

SHAERIN AZLIN AB RAHMAN, HASNIAH HAMID

10 Mac 2023: Program *My Future Journey* telah berlangsung pada 10 Mac 2023 mulai jam 8.30 pagi hingga 4.30 petang bertempat di Dewan Putra 1, Kolej Tan Sri Aishah Ghani (KTAG) dan telah dirasmikan oleh Pengarah PASP, Prof Madya Dr. Marina Mohd. Top @ Mohd. Tah.
Program ini telah disertai oleh semua fakulti yang menawarkan program Sarjana Muda di Kampus UPM Serdang serta Bahagian Kemasukan dan Bahagian Urus Tadbir Akademik UPM. Melalui penganjuran program ini, diharapkan pelajar asasi telah mendapat maklumat yang jelas mengenai program pengajian di peringkat bacelor yang ditawarkan di UPM.







LAPORAN *APPLE DAY* 2023

PROF. MADYA DR. MOHAMAD AMRAN MOHD SALLEH

30 Mac 2023: Program *Apple Day* 2023 telah diadakan pada 30 Mac 2023 (Khamis) jam 12:30 tengah hari – 2:00 petang bertempat di Dataran Asasi 1. Perasmian telah disempurnakan oleh Prof. Madya Dr. Marina Mohd. Top @ Mohd. Tah, Pengarah PASP. Program ini merupakan anjuran di bawah Jawatankuasa Tertinggi Pelajar Pusat Asasi Sains Pertanian (HICOM). *Apple Day* 2023 diadakan bagi menunjukkan penghargaan pelajar kepada para pensyarah, guru, dan staf PASP dengan menghadiahkan buah epal kepada mereka. Buah epal adalah simbolik apresiasi kerana warnanya yang merah dan bentuk buahnya yang seakan-akan menyerupai hati. Selain itu, pelajar juga digalakkan untuk memakai baju yang berwarna merah sepanjang program berlangsung.







PROGRAM BAKUL KASIH

HASNIAH HAMID

3 April 2023: Program Bakul Kasih telah diadakan pada 3,6,17 dan 18 April 2023 bertempat di Sudut *Free Meal ASPer*, Asasi 1 bermula jam 4:00 petang. Melalui program ini, pelajar telah menerima sumbangan juadah berbuka puasa bersempena dengan Bulan Ramadan pada tahun ini. Pihak jawatankuasa program merakam jutaan terima kasih kepada semua penyumbang yang terdiri daripada staf PASP, alumni, masyarakat setempat, dan syarikat persendirian.





PROGRAM MEMASAK DAN AGIHAN BUBUR LAMBUK

TUAN HAJI MAT RAZI ABDULLAH

12 April 2023: Pengagihan bubur lambuk telah dibuat pada 12 April 2023 (Rabu) menerusi kerjasama di antara Ahli Pengurusan PASP, Kelab Staf PASP dan Jawatankuasa Tertinggi Pelajar Pusat Asasi Sains Pertanian. Sumbangan aktiviti telah diterima daripada kalangan staf dan ibu bapa pelajar. Aktiviti ini telah dilaksanakan secara gotong-royong melibatkan staf dan pelajar PASP di mana pelajar terlibat mendapat pendedahan tentang cara membuat bubur lambuk. Penglibatan pelajar dalam aktiviti ini akan dapat memberi pengalaman baru, meningkatkan tahap kemahiran yang sedia ada di samping merapatkan ukhwah dalam kalangan warga PASP dan juga pelajar.







PROGRAM ASPERNEKA

PROF. MADYA DR. MOHAMAD AMRAN MOHD SALLEH, MUNIRAH KAMAL,
MOHAMAD HAIDIR MOHAMED NOOR

20 Mei 2023: Program ASPERNEKA-18 merupakan anjuran di bawah Jawatankuasa Tertinggi Pelajar Pusat Asasi Sains Pertanian (HICOM) bertujuan untuk mengukuhkan ukhuwah dalam kalangan pelajar ASPer18 melalui permainan sukaneka. Program ini telah diadakan pada 20 Mei 2023 (Sabtu) bertempat di padang futsal Kolej Serumpun bermula pada jam 7:30 pagi sehingga 12:00 tengah hari. Objektif ASPERNEKA-18 ini diadakan adalah untuk memupuk semangat kerjasama, persefahaman dan interaksi yang sihat di kalangan pelajar ASPer18, membentuk sikap dan amalan positif serta memastikan pelajar ASPer18 bergiat aktif dalam menjalankan aktiviti yang menarik dan produktif. Prof. Madya Dr. Mohamad Amran Mohd Salleh, Timbalan Pengarah Hal Ehwal Pelajar & JINM Pusat Asasi Sains Pertanian turut hadir semasa program berlangsung.









PROGRAM MALAM PERMATA GEMILANG 2023 (MPG'23)

PROF. MADYA DR. MOHAMAD AMRAN MOHD SALLEH, MOHAMAD AMIRUL FAEZ SULAIMAN, MOHAMAD NAJIB AB AZIZ

28 Mei 2023: MPG'23 merupakan majlis makan malam rasmi tradisi oleh Kolej Tan Sri Aishah Ghani (KTAG) sebagai penghargaan kepada pelajar KTAG yang terdiri daripada pelajar program Sarjana Muda dan Program Asasi Sains Pertanian yang telah banyak menabur jasa mengharumkan nama KTAG sama ada di peringkat dalaman (kolej) mahupun peringkat universiti. Kali ini, MPG'23 buat pertama kalinya menjalinkan kerjasama dengan Pusat Asasi Sains Pertanian untuk menjayakan majlis makan malam ini. MPG'23 telah diadakan pada 28 Mei 2023 (Ahad) bertempat di Dewan Besar Tun Rahah, Menara Yayasan Tun Razak, Bukit Bintang, Kuala Lumpur. Perasmian telah disempurnakan oleh YBhg. Prof. Dr. Arifin Abdu, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar & Alumni. Turut hadir YBrs. Prof. Madya Dr. Marina Mohd. Top @ Mohd. Tah, Pengarah Pusat Asasi Sains Pertanian dan YBrs. Prof. Madya Dr. Mohamad Amran Mohd Salleh, Timbalan Pengarah Hal Ehwal Pelajar & JINM Pusat Asasi Sains Pertanian.







PUSPA *SPORTS DAY* 2023

ROSLIZA BINTI ARIFIN

3 Februari 2023: Pusat Asasi Sains dan Perubatan UniSZA (PUSPA) dengan kerjasama Persatuan Pelajar Pusat Asasi Sains dan Perubatan (FSAZA) telah menganjurkan Program PUSPA *Sports Day* 2023 yang berlangsung selama dua hari bermula dari 3 hingga 4 Februari 2023. Program ini turut mendapat kerjasama daripada Pusat Sukan dan Rekreasi UniSZA. Program ini disertai oleh staf, pelajar Alumni dan semua pelajar PUSPA Sesi Akademik 2022/2023. PUSPA *Sports Day* 2023 ini diadakan bertujuan untuk menggalakkan para pelajar dan staf PUSPA untuk terus aktif dan mengamalkan gaya hidup secara sihat disamping menonjolkan bakat sukan dalam diri mereka. Program ini juga dapat mengeratkan hubungan silaturahim di antara pelajar, staf dan Alumni PUSPA. Program ini mempertandingkan 4 acara iaitu futsal, bola jaring, bola tampar dan *woodball*. Selain itu, satu acara sukaneka di antara pelajar dan staf juga turut diadakan.



JUALAN AMAL *CAR BOOT SALE*

ROSLIZA BINTI ARIFIN

30 Mac 2023: Pada 30 Mac, 5 April dan 6 April 2023 Pusat Asasi Sains dan Perubatan UniSZA (PUSPA) telah mengadakan Jualan Amal *Car Boot Sale* bagi mengumpul dana untuk disumbangkan kepada golongan yang memerlukan. Bagi menjayakan program ini, pihak PUSPA telah mengumpulkan pakaian terpakai yang disumbangkan oleh warga UniSZA yang prihatin. Pakaian ini telah dirapikan dan dijual pada jualan amal yang berlangsung selama tiga (3) hari. Hasil jualan amal ini akan dijadikan dana untuk disumbangkan kepada Pelajar PUSPA dan juga golongan kurang berkemampuan di sekitar kawasan Kuala Nerus, Terengganu. Menerusi jualan amal ini, warga PUSPA juga dapat menyumbang bakti kepada masyarakat disamping menyemarakkan budaya kitar semula. Sambutan yang diterima daripada warga UniSZA amat menggalakkan serta reaksi yang diberikan adalah positif. Terima kasih diucapkan kepada semua warga UniSZA yang budiman.













PROGRAM ZIARAH RAMADAN PUSPA 2023

ROSLIZA BINTI ARIFIN

13 April 2023: Pada 13 April 2023, Pusat Asasi Sains dan Perubatan UniSZA (PUSPA) telah mengadakan Program Ziarah Ramadan PUSPA 2023. Program ini merupakan program tahunan PUSPA yang bertujuan untuk memberikan bantuan kepada golongan yang memerlukan. Pada Program Ziarah Ramadhan ini, pihak PUSPA telah menyampaikan sumbangan "Ramadan *Box*" kepada 5 buah keluarga asnaf di sekitar kawasan Kuala Nerus. Sumbangan ini adalah hasil daripada jualan *Car Boot* Amal Ramadhan. Sumbangan yang diberikan ini diharap dapat meringankan beban mereka sekeluarga sepanjang bulan Ramadan dan seterusnya memberikan keceriaan pada mereka untuk menyambut Hari Raya Aidilfitri.









MAJLIS KHATAM AL-QURAN DAN IFTAR JAMAIE 2023

ROSLIZA BINTI ARIFIN

18 April 2023: Pusat Asasi Sains dan Perubatan UniSZA (PUSPA) dengan kerjasama Persatuan Pelajar Pusat Asasi Sains dan Perubatan (FSAZA) telah mengadakan Majlis Khatam al-Quran dan Iftar Jamaie' pada 18 April 2023 bertempat di Dewan Perdana UniSZA Kampus Gong Badak. Majlis ini merupakan acara tahunan PUSPA yang diadakan untuk meraikan semua pelajar PUSPA yang berjaya menamatkan bacaan 30 juzuk al-Quran sepanjang tadarus al-Quran setiap pagi sebelum memulakan kelas akademik. Pada majlis ini juga turut diadakan sesi perjumpaan pelajar bersama mentor masing-masing bagi mengeratkan silaturahim dikalangan mentor mentee. Disamping itu, seramai 11 orang pelajar PUSPA yang kurang berkemampuan turut menerima sumbangan duit raya yang merupakan hasil dari Jualan Amal *Car Boot Sale* PUSPA 2023.



PROGRAM JOM MASUK UniSZA

ROSLIZA BINTI ARIFIN

25 Mei 2023: Pusat Asasi Sains dan Perubatan UniSZA (PUSPA) dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu (JPNT) telah mengadakan Program Jom Masuk UniSZA pada 25 dan 31 Mei 2023. Program ini diadakan di empat (4) lokasi yang berbeza di Daerah Kuala Nerus, Hulu Terengganu, Kemaman dan Besut. Tujuan program ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan kepada pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) mengenai laluan akademik seterusnya menarik minat mereka supaya meneruskan pengajian di peringkat universiti. Antara agensi yang turut mengambil bahagian dalam program ini ialah Perbadanan Tabung Pengajian Tinggi Nasional, Yayasan Terengganu, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Terengganu, dan Pusat Sains dan Kreativiti Terengganu. Beberapa Pusat Tanggungjawab (PTj) UniSZA turut mengadakan pameran antaranya ialah PUSPA, Hospital Pengajar UniSZA, Pusat Pengurusan Kecemerlangan dan Inovasi Akademik, Fakulti Perubatan, Fakulti Farmasi, Fakulti Sains Kesihatan, Fakulti Informatik dan Komputeran, Fakulti Reka Bentuk Inovatif dan Teknologi, dan Fakulti Biosumber dan Industri Makanan.









EDUCATIONAL FIELD TRIP: MANGROVE TREE PLANTING & WASTER ANYLSIS

SITI HAJAR BINTI ABDULLAH SANI

28 Januari 2023: Jabatan Biologi bekerjasama dengan Malaysian Nature Society (MNS) telah berjaya melancarkan program *EDUCATIONAL FIELD TRIP: MANGROVE TREE PLANTING & WASTER ANYLSIS* pada 28 Januari 2023. Melalui pembersihan pantai di Pantai Cempaka, Kuantan. Peserta yang terlibat adalah seramai 45 orang pelajar yang mengikuti subjek biologi, 21 pegawai dari UIAM gambang dan 2 ahli MNS yang telah terlibat secara langsung dalam program ini.

Antara objektif lawatan ini adalah:

1. Memperkayakan dan mengukuhkan pengetahuan tentang biodiversiti, ekosistem, dan ekologi, terutamanya dalam ekosistem bakau.
2. Memperkuatkan pemahaman tentang konsep persekitaran lestari dan matlamat pembangunan lestari melalui program ini.
3. Menanam kesedaran tentang persekitaran lestari di kalangan staf dan pelajar CFS IIUM melalui aktiviti menanam pokok bakau dan pembersihan pantai.
4. Mengamalkan dan merasai pengalaman praktikal menanam pokok bakau.
5. Membimbing, memudahkan, dan memotivasikan staf dalam pengajaran dan pembelajaran.
6. Mendidik pelajar melalui lawatan lapangan pendidikan.
7. Menyumbang kepada usaha pemulihan penanaman bakau yang berkurangan dan dengan itu membantu menyerapkan emisi karbon sambil melindungi penduduk dari bencana alam seperti banjir.
8. Memperkuatkan ukhuwah dan kerja berpasukan di kalangan staf dan pelajar.

Lawatan pendidikan ini bersifat pengajaran merupakan strategi pengajaran dan pembelajaran alternative bagi staf akademik. Ia juga memberikan pengalaman yang berguna kepada staff dan juga pelajar. Tidak dapat dinafikan bahawa pengajaran dan pembelajaran topik Biodiversiti, Ekosistem, dan Ekologi adalah penting dalam sukatan pelajaran Biologi II. Pengetahuan dari aspek teori tentang topik ini tidak mencukup kerana ada beberapa daripadanya memerlukan kemahiran praktikal.

SUKAN ASASI MALAYSIA VI 2023

SHAHARUDDIN BIN AHMAD MOKSHINON

17-19 Mac 2023: Sukan Asasi Malaysia VI, 2023 akhirnya melabuhkan tirai di majlis penutup yang unik dan gemilang di Pusat Asasi Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) Gambang yang menyaksikan Pusat Asasi UIAM Gambang menjadi johan keseluruhan selama dua tahun berturut-turut, iaitu pada tahun 2022 dan 2023.

Bertemakan "*Leading the Champions*", Sukan Asasi Malaysia VI, 2023 ini disertai oleh 13 wakil kontinjen dari seluruh Pusat Asasi dan Kolej Matrikulasi seluruh Malaysia. Seramai 1,400 peserta terdiri daripada atlet dan pegawai telah mengambil bahagian dalam kejohanan yang telah berlangsung selama 3 hari bermula pada 17 hingga 19 Mac 2023.

Sukan Asasi Malaysia (dahulunya dikenali sebagai Sukan Antara Asasi) adalah hasil persetujuan yang diwujudkan oleh Majlis Dekan/Pengarah Universiti Awam. Kejohanan ini bertujuan untuk menggalakkan pelajar menjadi cemerlang bukan sahaja dalam akademik bahkan juga dalam bidang sukan. Acara-acara yang dipertandingkan menjadi platform untuk mencari bakat-bakat baharu dalam sukan diperingkat yang lebih tinggi.
Pusat Asasi UIAM telah memenangi sebanyak 23 pingat daripada 12 acara yang dipertandingkan di mana 14 pingat daripadanya merupakan pingat emas sekaligus telah dinobatkan sebagai juara keseluruhan untuk Sukan Asasi Malaysia VI.

Majlis penutup dan penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Encik Fadzli Mohamad Kamal daripada Komunikasi dan Multimedia, Belia, Sukan dan Badan-badan bukan Kerajaan yang mewakili Yang Amat Berhormat Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail, Menteri Besar Pahang. Hadir sama pada majlis penutup tersebut ialah, Yang Berhormat Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah, Ahli Parlimen Paya Besar dan Yang Berbahagia Prof. Dr. Ahmad Hafiz Zulkifly, Timbalan Rektor Penyelidikan dan Inovasi Bertanggungjawab UIAM. Universiti Utara Malaysia (UUM) telah dipilih sebagai tuan rumah untuk Sukan Asasi Malaysia VII.

BAKTISISWA RAYA 2023 : *BRIDGING VARSITY AND COMMUNITY*

WAN AHMAD KHAIRI BIN WAN AHMAD

12-14 Mei 2023: Semangat sukarelawan seharusnya ditanamkan dalam hati setiap individu di Pusat Asasi Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (CFS IIUM) untuk menghasilkan individu yang berbelas-kasihan terhadap masyarakat, terutamanya di kalangan pelajar-pelajar kita yang akan menjadi pemimpin masa depan negara kita. Pusat Asasi Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (CFS IIUM), Mahallat CFS IIUM, Unit Pemimpinan dan Latihan CFS IIUM bekerjasama dengan Bahagian Hubungan Alumni, Alumni IIUM Pahang, Pengurusan Masjid Kg. Panching, dan Jawatankuasa Pembangunan & Keselamatan Kampung (JPKK) Kg. Panching, telah berjaya menjalankan program penglibatan komuniti yang bertajuk BAKTI SISWA RAYA yang berlangsung dari 12 Mei hingga 14 Mei 2023 di Kg. Panching, Kuantan, Pahang.

Program ini dihadiri oleh 30 pegawai CFS IIUM, 100 pemimpin pelajar dari semua masyarakat berdasarkan akademik dan Jawatankuasa Perwakilan Mahallah. Program ini telah dirasmikan oleh Dato' Indera Mohd Shahar Bin Abdullah, Ahli Parlimen Paya Besar. Program ini bertujuan untuk membantu pelajar-pelajar kita menjadi individu yang holistik dalam pelbagai bidang. Program berinteraksi ini antara pelajar CFS dan masyarakat, terutamanya masyarakat luar bandar, bukan sahaja mempromosikan semangat sukarelawan di kalangan pelajar, tetapi juga mewujudkan perkembangan peribadi melalui pelbagai aktiviti yang disertakan.

Program ini juga membantu pusat asasi dalam mewujudkan konsep Rahmatan Lil Alamin, melalui pelbagai program seperti Bengkel Asas Ibadah, Program Keluarga Angkat, Rewang Raya, Gotong Royong, Perayaan Raya, Ceramah Perdana, dan aktiviti sukan dengan penduduk tempatan. Kerjasama antara universiti dan komuniti tempatan ini seharusnya diteruskan pada masa akan datang kerana ia akan memberi manfaat kepada pelajar dan staf kita sebagai salah satu kaedah untuk menghasilkan “Insan Sejahtera”.

Secara keseluruhannya, program ini menerima maklum balas yang memberangsangkan dari masyarakat tempatan dan peserta. CFS IIUM berharap untuk menganjurkan lebih banyak program penglibatan komuniti dalam masa yang terdekat.

IIUM INTERCAMPUS FRIENDLY ARCHERY TOURNAMENT

NURUL HANIS BINTI MUSLI

Pasukan memanah IIUM Mustang Gombak telah menganjurkan Kejohanan Memanah Persahabatan IIUM 2023 pada 13 Mei 2023 di antara kampus-kampus UIAM. Keempat-empat kampus UIAM telah menyertai kejohanan yang diadakan di gelanggang memanah UIAM di kampus Gombak. Kejohanan ini diadakan untuk memilih wakil pelajar UIAM bagi mewakili pasukan memanah IIUM Mustang dalam Fasa 1 kejohanan Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM).

Objektif lain kejohanan ini termasuklah memberi sokongan dan dorongan kepada pelajar-pelajar UIAM untuk cemerlang dalam aktiviti sukan serta menintergrasikan atlit-atlit dari kampus yang lain melalui kejohanan persahabatan ini. Peserta-peserta dari CFS IIUM telah berjaya meraih beberapa tempat dalam pelbagai katergori. Senarai pemenang dari CFS IIUM adalah seperti berikut:

1. Muhamad Nazhan Hafizi bin Mohamad Nazri (225929), dari ENCS menduduki tempat kedua keseluruhan dalam kategori Lelaki *Compound*.
2. Nurul Anis binti Musli (224606), dari LAWS menduduki tempat kedua keseluruhan dalam kategori Wanita *Recurve*.
3. Safiyyah Nur Aisyah binti Saiful Ridzuan (224972), dari ECONS menduduki tempat ketiga keseluruhan dalam kategori Wanita *Recurve*.
4. Nur Aisyah binti Asri (223431), dari ECONS menduduki tempat keempat keseluruhan dalam kategori Wanita *Recurve*.

PERTANDINGAN DEBAT INTER-ASASI UNIVERSITI AWAM 2023

JEFRI KHAIRIL BIN ZABRI

19 Februari 2023: *IIUM World Debate and Oratory Centre* (IWON), CFS IIUM ingin mengucapkan tahniah kepada pasukan debat Bahasa Melayu CFS IIUM yang menjadi Juara Pertandingan Debat Inter-Asasi Universiti Awam 2023 yang dianjurkan oleh Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM). Dalam pertandingan akhir yang diadakan pada 19 Februari 2023, Pasukan debat CFS IIUM berlawan menentang pasukan dari UPNM mengenai usul yang dibawa "Dewan ini percaya belia menyuburkan semangat perpaduan negara".

Pasukan debat CFS IIUM ini dianggotai oleh Aiman Izdihar bin Amran (*Laws*), Muhamad Asna Hamdan bin Mazli (*Laws*), Luqman Nul Haqim bin Ghazali (*Laws*) dan Annys Sufea binti Mansor (ECONS). IWON juga ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak pengurusan CFS IIUM, barisan kejurulatihan, dan juga alumni di atas sumbangan mereka yang menyumbang kepada kejayaan pasukan debat ini.

AED Ukhuwwah Day : CSR Beach Clean Up & SDG Educational Visit

SAMSUL ROHAIZAD & FATIN ZAHIDA

Jabatan Senibina & Rekabentuk Alam Sekitar, CFS UIAM telah berjaya menganjurkan hari Ukhuwwah AED: Program Pembersihan Pantai CSR & Lawatan Pendidikan SDG di Pantai Penare, Setiu, Terengganu.

Antara senarai aktiviti sepanjang program ini:

1. Lawatan CSR ke Rumah Tok, Kampung Mangkuk, Pantai Penarek, Terengganu.
2. Pembersihan Pantai CSR bekerjasama Setiu Wetland Ecotourism Discovery (ECOSWED) dan Politeknik Ulu Terengganu di Pantai Penarik, Terengganu.
3. Lawatan CSR ke Sekolah Wetland Setiu, Terengganu.
4. Lawatan Pendidikan SDG (Pendidikan Berkualiti) ke Terrapuri Heritage Village – Rumah Melayu Terengganu Terapung.
5. BBQ dan Api Unggun AED.
6. Sukaneka Ukhuwwah AED dengan keluarga dan staff AED.
7. Solat berjemaah dan tazkirah bertajuk ‘Perpaduan dalam Kepelbagaian’.

Terima kasih kepada seluruh jawatankuasa penganjur dan semoga acara ini akan memperkuatkan ukhuwwah di kalangan staff dan keluarga AED.

LAW, CLIMATE CHANGE AND WELFARE OF PEOPLE

JABATAN UNDANG-UNDANG, PUSAT ASASI UITM

3 Mac 2023: Seramai 30 orang pelajar Asasi Undang-undang Pusat Asasi UiTM telah memenuhi jemputan daripada Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) untuk menghadiri Program Ceramah yang bertajuk "*Law, Climate Change and Welfare of People"* pada 5 Mac 2023. Porgram ini merupakan anjuran MBSJ untuk berkongsi pengetahuan dan pengalaman kepada para pelajar mengenai *Law and Community* dan *Law and Climate Change*. Penceramah jemputan adalah Yang Berhormat Michelle Ng Mei Sze, Ahli Dewan Undangan Negeri Subang Jaya yang juga merupakan seorang peguam dan Yang Berusaha Encik Ismail bin Haji Abdullah, CEO, International Green Trends Cockpit Sdn. Bhd. Adalah diharapkan para pelajar yang menyertai program ini mendapat manfaat daripada ceramah-ceramah yang telah disampaikan oleh penceramah jemputan.







KARNIVAL SAINS DAN TEKNOLOGI ISLAM (KSTI) 2023

UNIT AKADEMI PENGAJIAN ISLAM KONTEMPORARI, PUSAT ASASI UITM

11 Mac 2023: Unit Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Pusat Asasi UiTM Cawangan Selangor, Kampus Dengkil telah menganjurkan Karnival Sains dan Teknologi Islam 2023 (KSTI 2023) pada 11 Mac 2023. Karnival ini disertai oleh para pelajar dari berbagai program Asasi seperti Asasi Sains, Asasi Kejuruteraan, Asasi TESL dan Asasi Undang-undang. Menerusi program ini idea-idea kreatif dan inovatif yang dihasilkan oleh para pelajar sendiri dipamerkan dan dipertandingkan. Idea-idea kreatif dan inovatif ini bukan hanya bertujuan sebagai pameran semata-mata, tetapi setiap idea kreatif dinilai bagaimana hasil tersebut dapat memberi manfaat kepada Masyarakat. Setinggi-tinggi tahniah diucapkan kepada semua pelajar yang melibatkan diri sebagai peserta Karnival Sains dan Teknologi Islam (KSTI) 2023.







PRESERVE THE OCEAN'S HEART

JABATAN UNDANG-UNDANG, PUSAT ASASI UITM

12 Mac 2023: Program *Preserve the Ocean's Heart* telah dilaksanakan pada 12 Mac 2023 di Pantai Tanjung Biru, Port Dickson bermula jam 7.15 sehingga 2.00 petang. Ini adalah salah satu program khidmat masyarakat yang telah dianjurkan oleh Jabatan Undang-undang dengan kerjasama para pelajar Asasi Undang-undang dari Kumpulan PI005U02 dan Majlis Perbandaran Port Dickson. Program ini terbukti memberi impak yang positif kepada para peserta.

Secara ringkasnya, program ini dapat menyumbang manfaat kepada pelajar UiTM dalam memupuk kesedaran kepentingan penjagaan alam sekitar dan kesan pembuangan sampah terhadap habitat akuatik di sekitar. Oleh itu, program seperti ini dapat melahirkan pelajar yang holisitk, di mana pelajar tidak tertumpu dengan pembelajaran di dewan kuliah sahaja, tetapi pelajar juga didedahkan dengan aktiviti sosial yang memberi manfaat di luar bilik kuliah.







BANTUAN CAHAYA AIDILFITRI 2023

BAHAGIAN HAL EHWAL PELAJAR PUSAT ASASI, UITM

14 April 2023: Pelajar Pusat Asasi UiTM Cawangan Selangor, Kampus Dengkil telah menerima Bantuan Cahaya Aidilfitri Tahun 2023 pada 14 April 2023 dari sebuah organisasi belia yang berdaftar di bawah Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (RoS). Seramai 100 orang pelajar terpilih telah menerima sumbangan Bantuan Tiket Balik Kampung berupa wang tunai RM100.00. Bantuan ini bertujuan mengurangkan beban para pelajar disamping dapat merasai kemeriahan Hari Raya bersama-sama keluarga tercinta. Sumbangan tersebut telah disampaikan oleh Encik Nik Muhammad Rafie bin Nik Zainal Alam, Pengerusi Kelab Perwira Malaysia.









IFTAR PERDANA PUSAT ASASI, UiTM CAWANGAN SELANGOR, KAMPUS DENGKIL 2023

KELAB KEBAJIKAN STAF PUSAT ASASI, UITM

18 April 2023: Kelab Kebajikan Pusat Asasi, UiTM Cawangan Selangor, Kampus Dengkil telah menganjurkan Majlis Iftar Perdana pada 18 April 2023 yang lalu. Majlis Iftar Perdana ini diadakan untuk meraikan 50 orang anak-anak yatim dan asnaf dari Rumah Anak Yatim dan Asnaf al-Solihin, Kg. Kanchong Darat, Banting, Selangor.

Di samping itu, Bank Islam Cawangan Cyberjaya telah mengambil peluang menyerahkan sumbangan zakat berjumlah RM10,00 kepada Pusat Asasi UiTM. Majlis bermula dengan penyerahan sumbangan zakat dari Bank Islam yang disampaikan oleh Tuan Hj. Syahrun Nizam bin Mohammad, Pengarah Pelanggan Negeri, Bank Islam kepada Pengarah Pusat Asasi UiTM, Prof. Ir. Dr. Ahmad Farid bin Abidin@Bharun.

Kelab Kebajikan Staf Pusat Asasi juga telah menyampaikan sumbangan Hari Raya kepada anggota Polis Bantuan yang bertugas semasa Hari Raya Aidilfitri. Di kesempatan itu, sumbangan juga disampaikan kepada staf Pusat Asasi yang terlibat di dalam kemalangan dan staf yang dikurniakan cahaya mata. Majlis diakhiri dengan penyampaian cenderahati kepada peserta tadarus yang terdiri daripada staf Pusat Asasi UiTM.









LAWATAN PENANDA ARASAN DARI FAKULTAS HUKUM, UNIVERSITAS ISLAM BANDUNG, INDONESIA

BAHAGIAN HAL EHWAL AKADEMIK DAN JABATAN UNDANG-UNDANG PUSAT ASASI, UITM

22 Mei 2023: Pusat Asasi, UiTM Cawangan Selangor, Kampus Dengkil telah menerima lawatan penanda arasan dari Fakultas Hukum, Universitas Islam Bandung. Delegasi lawatan seramai 12 orang diketuai oleh Prof. Dr. Edi Setiadi, Rektor, Universitas Islam Bandung.

Sesi perbincangan telah dipengerusikan oleh Dr. Ikhwan Naim bin Md.Nawi, Timbalan Pengarah (Akademik, Penyelidikan dan Inovasi), Pusat Asasi, UiTM dan turut dihadiri oleh Ketua Pusat Pengajian Asasi Undang-undang, Puan Juzniza binti Abdul Jamal dan pensyarah-pensyarah kanan Jabatan Undang-undang. Adalah menjadi harapan semoga lawatan penanda aras ini memberi manfaat kepada kedua-dua buah institusi.









MAJLIS ANUGERAH KECEMERLANGAN AKADEMIK

BAHAGIAN HAL EHWAL AKADEMIK PUSAT ASASI, UITM

24 Mei 2023: Bahagian Hal Ehwal Akademik Pusat Asasi telah menganjurkan Majlis Anugerah Kecemerlangan Akademik (MAKA) pada 24 Mei 2023. Majlis ini telah berlangsung di Pusat Islam, Pusat Asasi UiTM. Majlis ini bertujuan untuk meraikan pelajar-pelajar yang mendapat keputusan cemerlang di dalam Ujian Pertengahan Semester Januari – Jun 2023. Semoga dengan anugerah ini dapat menyuntik semangat untuk tidak berputus asa dan terus berusaha ke arah kecemerlangan. Majlis Anugerah Kecemerlangan ini merupakan acara tahunan yang diadakan setiap semester bertujuan untuk meraikan pelajar-pelajar yang telah berusaha bersungguh-sungguh untuk mencapai prestasi akademik yang memberangsangkan.









LET THE HANDS TALK: LEARN THE BASICS OF MALAYSIAN SIGN LANGUAGE (BIM)

NURUL QISTINA BALQIS RADZUAN

4 Januari 2023: Biro Kebajikan Persatuan Pelajar Pusat Asasi Pengurusan UUM telah menganjurkan Program *Let the Hands Talk: Learn the Basics of Malaysian Sign Language (BIM)*, yang bertujuan untuk menghapuskan stigma masyarakat terhadap golongan Orang Kelainan Upaya (OKU) dengan mewujudkan persefahaman melalui bahasa isyarat. Program dimulakan dengan tayangan filem pendek "Pekak & Bisu" yang mengisahkan tentang liku dan ranjau kehidupan adik beradik yatim piatu OKU. Usai tayangan tersebut, para pelajar hangat memperdebatkan tentang pengakhiran filem, yang menyentuh tentang penindasan dan pengeksploitasian golongan istimewa ini. Seterusnya, para pelajar dibahagikan kepada empat kumpulan kecil, dan empat AJK pengajar mengikut kumpulan. Sesi pembelajaran Bahasa Isyarat Malaysia diselia oleh Muhammad Akmal Shahril Izwani selaku tenaga pengajar utama. Para pelajar didedahkan kepada ejaan huruf, pengiraan nombor, frasa menarik, negeri-negeri di Malaysia, dan frasa umum.

Pada akhir program, sesi "Kahoot" diadakan untuk menguji pemahaman pelajar terhadap penggunaan bahasa isyarat. Berdasarkan penilaian tahap kepuasan program, didapati 100% pelajar setuju bahawa program ini dapat memberi impak tinggi dan memahami kepentingan bahasa isyarat sebagai wadah komunikasi. Seterusnya, 75% menyuarakan keinginan mereka untuk mempelajari bahasa isyarat atas faktor tertentu. Tamsilnya, seorang pelajar berminat untuk mempelajari bahasa isyarat kerana menggemari menonton berita RTM yang memaparkan perterjemah bahasa isyarat. Selain itu, seorang pelajar berazam untuk berkomunikasi dengan golongan OKU kerana ingin menyertai aktiviti kesukarelawanan. Akhir sekali, pelajar turut menyuarakan cadangan penambahbaikan seperti mengecilkan kumpulan pelajar supaya pembelajaran lebih berfokus, dan meluaskan skop dengan melibatkan pensyarah dan staf UUM dalam sesi pembelajaran.



Pusat Asasi Pengurusan
CENTRE FOR FOUNDATION STUDIES IN MANAGEMENT
Universiti Utara Malaysia

KAMI TELAH BUKTIKAN DI PIITRAM 2023

NUR SHAZWANI SHARIFFUDIN

18 Februari 2023: PAPUUM telah menghantar 11 penyertaan ke *Pre-University Matriculation Innovation Competition 2023* (PIITRAM2023) anjuran Majlis Pengarah/Dekan Asasi Universiti Awam di Universiti Putra Malaysia. PAPUUM telah berjaya meraih empat pingat emas menerusi projek inovasi pelajar (Kategori Sains Sosial) iaitu "WalkThru", "WheelTrace", "Foundo" dan "Sign-Shine"; manakala lima pingat perak menerusi projek inovasi Kategori Staf Akademik iaitu 'Studeio' dan Kategori Pelajar iaitu "Trackio", "Chikaku", "Helcaut" dan "StickwithU". Dua pingat gangsa lagi bagi Kategori Pelajar iaitu projek "Picnikorb" dan "Hangable".

Lebih membanggakan, projek inovasi "WalkThru" yang dianggotai oleh Aisyatus Syuhada Mohd Nasir, Nur Aisha Najihah Zaidatul Badri, Neoh Xin Yinh dan Nur Athirah Najwa Asrul telah memenangi "*Most Creative Project Award*", sementara projek inovasi "WheelTrace" yang diilhamkan oleh Morisha Reanne a/p Martin Luther, Muhammad Musyrif Romli, Mathavans a/l Manisegaran, Muhammad Aiman Farhani Serif dan Muhammad Haziq Haikal Muhammad Iskandar Zulkarnain dinobatkan sebagai "*Most Innovative Project Awardi*". Pengarah PAP, Prof. Madya Dr. Mohamed Ali Haniffa menzahirkan rasa syukur, tahniah dan terima kasih kepada semua peserta PIITRAM, tenaga pengajar sebagai mentor dan semua staf UUM yang berganding bahu dalam menjayakan penghasilan produk-produk inovasi ini. Menurutnya, semua produk tersebut akan didaftarkan sebagai harta intelek UUM. Beliau juga berharap semua pelajar dan warga universiti akan terus menyumbang kepada usaha memartabatkan UUM sebagai Universiti Pengurusan Terkemuka.







"EDU TALK: SUCCESS AND SCHOLARSHIP" KONGSI TIPS TEMU DUGA

MIRZA HIDAYAT

22 Februari 2023: Proses mendapatkan biasiswa akan menjadi sukar sekiranya pelajar tiada pengalaman dan tidak mempunyai perancangan yang baik. Oleh itu, dalam usaha untuk membantu pelajar Program Asasi Pengurusan Kohort 9 mendapatkan tips dan trick semasa sesi temu duga bersama pihak penaja, EXCO Persatuan Pelajar Asasi Pengurusan Sesi 2022/2023 telah menganjurkan Forum "*Edu Talk: Success and Scholarship*" pada 22 Februari 2023. Forum ini menampilkan ahli panel yang terdiri daripada wakil industri iaitu Nurhani Hayati Marzuki dan tiga alumni Program Asasi Pengurusan UUM iaitu Kareena Kaur Gill Karamjit Singh, Muhammad Shuib Rosli, dan Ahmad Asyraaf Danial Norazlan. Nurhani yang merupakan Penganalisis Siswazah di Bank Negara Malaysia telah berkongsi kriteriakriteria calon yang dilihat oleh panel temu duga dan pihak penaja dalam proses saringan serta turut berkongsi pengalaman beliau semasa menghadapi temu duga penawaran biasiswa Telekom Malaysia. "*Be confident in yourself, be proactive, and demonstrate enthusiasm*" adalah antara nasihat penting yang disampaikan kepada semua peserta forum. Menurut Pengarah Forum, Mohamad Mirza Hidayat, program tersebut bukan sahaja dapat memberi pendedahan tentang laluan pembelajaran dan peluang-peluang biasiswa yang disediakan oleh organisasi terkemuka, malah peserta program turut mendapat input berguna tentang soalan-soalan yang ditanyakan oleh pihak penaja semasa temu duga.



Pusat Asasi Pengurusan
CENTRE FOR FOUNDATION STUDIES IN MANAGEMENT
Universiti Utara Malaysia

105 PELAJAR ASASI PENGURUSAN DIRAIKAN

NUR SHAZWANI SHARIFFUDIN

22 Mac 2023: Seramai 105 pelajar Program Asasi Pengurusan Sesi 2022/2023 telah diraikan dalam Majlis Apresiasi dan Penyampaian Sijil Anugerah Pengarah anjuran Pusat Asasi Pengurusan (PAP) di Dewan Seminar A, Pusat Konvensyen pada 22 Mac 2023. Pada majlis itu, kesemua pelajar yang memperoleh Purata Markah Semester (PMS) 3.67 dan ke atas semasa AP221 menerima sijil Anugerah Pengarah yang disampaikan Pengarah PAP, Prof. Madya Dr. Mohamed Ali Haniffa. Turut diraikan pasukan yang mewakili UUM dalam pertandingan inter-asasi/matrikulasi seperti Debat Inter-Asasi, Pertandingan Inovasi Inter-Asasi Matrikulasi (PIITRAM), Festival Pantun Antara Asasi (FANTASI), dan Sukan Asasi Malaysia (SAM). Mohamed Ali dalam ucapan beliau menzahirkan ucapan tahniah atas pencapaian pelajar dalam pelbagai aspek dan mengharapkan momentum kecemerlangan diteruskan sehingga tamat pengajian di UUM. PAP juga buat julung kalinya menyampaikan sijil "Anugerah Sahsiah Terpuji" dan "Anugerah Khas Pengarah" di mana pelajar dipilih berdasarkan kriteria-kriteria khas yang ditentukan pengurusan PAP bersama tenaga-tenaga pengajar PAP.

Salah seorang penerima "Anugerah Khas Pengarah", Muhammad Musyrif sempat berkongsi cabaran utama yang dihadapi semasa semester satu adalah apabila wajib mengikuti tujuh kursus dalam keadaan masih baharu membiasakan diri dengan bentuk pembelajaran di alam universiti. "Alhamdulilah, berkat doa ibu bapa, bantuan dan bimbingan rakan-rakan serta pensyarah, saya berjaya memperoleh keputusan PMS 3.97 serta mampu bergiat aktif dalam aktiviti persatuan dan kokurikulum, " ujarnya. Sementara itu, Muhammad Izzul Abdul Rafi, menzahirkan perasaan syukur kerana dapat menyumbang pingat gangsa kepada UUM dalam Sukan Asasi Malaysia dan berterima kasih atas sokongan yang diberikan oleh PAP dan Pusat Sukan. Begitu juga Muhammad Adib Rahimi, bekas pelajar tahfiz yang cemerlang dalam SPM (12A) dan memperoleh PMS 3.92 mengucapkan terima kasih atas penghargaan yang diberikan walaupun merasakan beliau belum cukup layak untuk menerima Anugerah Sahsiah Terpuji. Beliau turut berkongsi nasihat kepada pelajar supaya sentiasa menjaga hubungan dengan tuhan dan mempunyai niat yang betul semasa menuntut ilmu.





"THE BUBUR LAMBUK PROJECT" PUSAT ASASI PENGURUSAN HASIL 500 BEKAS BUBUR LAMBUK

NUR HIDAYAH ABDULLAH

5 April 2023: Bubur lambuk Sri Sintok merupakan menu berbuka puasa yang menjadi sebutan ramai bukan sahaja di Universiti Utara Malaysia malah penduduk sekitar. Justeru, Pusat Asasi Pengurusan (PAP) dengan kerjasama Persatuan Pelajar Asasi Pengurusan tidak melepaskan peluang bergotong-royong menyediakan bubur lambuk dengan bantuan petugas Pusat Islam pada 05 April 2023. Pengarah PAP, Prof. Madya Dr. Mohamed Ali Haniffa berkata, "*The Bubur Lambuk Project*" merupakan program tahunan Pusat Asasi Pengurusan setiap kali menjelang bulan Ramadan. Aktiviti ini dilaksanakan melalui hasil kutipan dana daripada tenaga pengajar, staf dan pelajar PAP. Kemeriahan program ini dapat dirasai apabila warga PAP bersama-sama membuat persediaan memasak, mengacau bubur lambuk, membungkus dan mengedar bubur lambuk. Lebih menarik, pelajar PAP berbangsa India, Cina, dan kaum lain turut dapat merasai keenakan bubur lambuk ayam istimewa yang dimasak berasingan oleh staf PAP. Sebanyak dua periuk bubur lambuk yang dapat menghasilkan kira-kira 500 bekas bubur diedarkan bukan sahaja kepada warga PAP, malah turut diagihkan kepada beberapa orang pelajar sarjana muda dan staf UUM di beberapa PTJ termasuk staf UPSB. Sementara itu, semua pelajar PAP turut berpeluang untuk berbuka puasa bersama-sama di Masjid Sultan Badlishah UUM hasil sumbangan Pusat Islam dan disusuli dengan solat Maghrib, Isyak serta tarawih berjemaah yang diimamkan oleh Imam Muda Pusat Asasi Pengurusan









SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI PUSAT ASASI PENGURUSAN

PUSAT ASASI PENGURUSAN UUM

10 Mei 2023: Program Sambutan Hari Raya Aidilfitri 1444H/2023 anjuran EXCO Persatuan Pelajar Asasi Pengurusan telah berlangsung dengan jayanya di Dewan Bunga Raya, INASIS MAS. Program ini disertai oleh semua pelajar dan staf Pusat Asasi Pengurusan Sesi 2022/2023. Salah satu objektif program adalah untuk merapatkan ukhwah antara pelajar dengan memupuk nilai kemaafan antara satu sama lain telah berjaya dicapai oleh pihak penganjur. Sekalung penghargaan diucapkan kepada Prof. Dr. Ahmad Martadha Mohamed, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) dan Prof. Madya Dr. Rohani binti Abdullah, Pengetua Inasis MAS & TNB (MALTEN) atas kesudian meluangkan masa bersama pelajar PAPUUM dalam majlis ini.











INTELLECTUAL DISCOURSE: WHICH DEGREE FITS YOUR MBTI

PUSAT ASASI PENGURUSAN UUM

17 Mei 2023: Program *Intellectual Discourse III: Personality 101: "Which Degree Fits Your MBTI?"* anjuran EXCO Akademik Persatuan Pelajar Asasi Pengurusan telah berlangsung dengan jayanya di Dewan Seminar, Pusat Pengajian Teknologi Multimedia dan Komunikasi (SMMTC), UUM. Program ini disertai oleh semua pelajar dan staf Pusat Asasi Pengurusan Sesi 2022/2023. Objektif program ini adalah untuk memberi peluang kepada pelajar untuk mengenali personaliti MBTI mereka dan belajar mengambil keputusan dalam kehidupan berdasarkan ciri-ciri personaliti MBTI mereka, terutamanya dalam akademik dan kerjaya nanti. Sekalung penghargaan diucapkan kepada Puan Noorul Adilah binti Che Hamzah, Pegawai Psikologi, Pusat Kaunseling dan Pembangunan Kerjaya UUM, dan para kaunselor pelatih atas kesudian menghadiri dan berkongsi pengetahuan yang bermanfaat dengan pelajar Pusat Asasi Pengurusan dalam program ini.







ASASIAN CLEAN UP DAY 2.0

PUSAT ASASI PENGURUSAN UUM

26 Mei 2023: Program *Asasian Clean Up Day 2.0* anjuran EXCO Kebajikan Persatuan Pelajar Asasi Pengurusan telah berlangsung dengan jayanya. Program ini diadakan di Foyer Pusat Asasi Pengurusan, Universiti Utara Malaysia dan melibatkan 28 sukarelawan daripada kalangan pelajar dan staf Pusat Asasi Pengurusan Sesi 2022/2023. Objektif utama program ini adalah untuk memelihara kelestarian Pusat Asasi Pengurusan dengan mengurus dan menjaga persekitaran foyer agar suasana pembelajaran lebih produktif. Sekalung penghargaan diucapkan kepada ahli jawatankuasa dan staf PAP yang sudi melibatkan diri dalam program gotong-royong ini.







Pusat Asasi Pengurusan
CENTRE FOR FOUNDATION STUDIES IN MANAGEMENT
Universiti Utara Malaysia

TEATER MUZIKAL: KISAH BUNGA TELUR DAN SEPATU BALLY

PUSAT ASASI PENGURUSAN UUM

15 Jun 2023: Pusat Asasi Pengurusan telah menganjurkan program Teater Muzikal: Kisah Bunga Telur dan Sepatu Bally di Dewan Serbaguna SAC, UUM. Objektif utama program ini adalah untuk memberikan pendedahan awal kepada pelajar Asasi Pengurusan Sesi 2022/2023 tentang pengurusan dan pementasan teater muzikal.











EMPOWERING YOUNG GENERATION FOR A BETTER TOMORROW

PUSAT ASASI PENGURUSAN UUM

17 Jun 2023: Program CSR "*Empowering* Young Generation for a Better Tomorrow" bertempat di SBP Integrasi Kubang Pasu, Kedah yang dikelolai oleh saudara, Mailvannan Puvanabalan, EXCO Tugas-tugas Khas merangkap Pengarah Program telah berlangsung dengan jayanya.

Seramai 41 pelajar PAPUUM melibatkan diri sebagai fasilitator dan disertai oleh 121 pelajar SBP Integrasi Kubang Pasu. Jutaan terima kasih diucapkan kepada penceramah jemputan, Prof. Madya Dr. Azizi Abdul Aziz, atas kesudian beliau untuk berkongsi ilmu tentang "*Evolution of Artificial Intelligence and It could change our lives*". Sekalung penghargaan dihulurkan kepada Puan Noorul Adilah Che Hamzah, Pegawai Psikologi Kanan yang menjadi penceramah jemputan yang bertajuk "*Social Behaviour*".







ASASIAN GALA NIGHT

PUSAT ASASI PENGURUSAN UUM

27 Jun 2023: Pelajar Asasi Pengurusan Sesi 2022/2023 (Kohort 9) diraikan dengan penuh meriah dalam "Majlis Apresiasi dan *Asasian Gala Night*" yang berlangsung di EDC-UUM. Terima kasih diucapkan kepada Naib Canselor UUM, Prof. Dr. Mohd Foad Sakdan dan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Dr. Ahmad Martadha Mohamed, atas kesudian untuk hadir memeriahkan "Majlis *Asasian Gala Night*".











AKTIVITI PROMOSI PUSAT ASASI PENGURUSAN SEPANJANG JAN-JUN 2023

PUSAT ASASI PENGURUSAN UUM

Sepanjang Januari sehingga Jun 2023, PAP telah menyertai 22 pameran pendidikan melibatkan 17 buah sekolah menengah dan 5 pameran pendidikan anjuran Kementerian Pendidikan Tinggi dan pihak luar. Pameran pendidikan ini secara tidak langsung merupakan inisiatif *university social responsibility* PAP bagi menyampaikan informasi peluang pengajian tinggi kepada masyarakat serta bakal pelajar khususnya pelajar lepasan SPM, berdasarkan minat dan kecenderungan, peluang dan kerjaya masa hadapan. Staf PAP yang ditugaskan sebagai pempamer turut berkongsi maklumat tentang penajaan, biasiswa dan pembiayaan kewangan yang disediakan selain turut berpeluang berinteraksi dengan masyarakat, khususnya alumni UUM dan kaunselor sekolah secara lebih dekat. PAPUUM juga membuka kaunter runding cara dan konsultasi di pejabat PAP bagi memberi peluang kepada waris dan pelajar PAP bertanya soalan secara bersemuka mengenai Program Asasi Pengurusan serta proses permohonan UPUOnline.














ARCTURUS GALA NIGHT

DR. TEH CHIN HOONG

16 Jun 2023: Malam Gala *Arcturus* merupakan majlis makan malam tahunan pelajar ASASIpintar untuk menyambut berakhirnya pengajian program Asasi bagi sesi 2022-2023, di samping melatih para pemimpin pelajar ASASIpintar menguruskan majlis makan malam. Majlis makan malam ini juga merupakan peluang terakhir kumpulan pelajar asasi seramai 200 orang pada sesi ini merapatkan hubungan silaturahim sesama pelajar dan juga bersama para pensyarah ASASIpintar. Malam ini juga merupakan malam kenangan bersama semua sebelum pelajar ini bakal meneruskan pengajian pra-siswazah di fakulti yang berlainan. Tema majlis "*School of Good and Evil*" telah memberi kreativiti kepada para pelajar berpakaian seperti watak baik atau jahat. Ada yang berpakaian *cosplay* seperti watak baik dalam komik atau manga Jepun yang digemari. Malam ini juga memberi peluang kepada para pelajar menonjolkan bakat mereka yang sudah lama terpendam dalam nyanyian, tarian, persembahan fesyen, pertunjukan magik dan sebagainya. Majlis makan malam ini berjalan lancar dan diakhiri dengan sesi fotografi secara berkumpulan. Selamat Maju Jaya, pelajar ASASIpintar sesi 2022-2023 di alam akademik yang baru!













KEJAYAAN PENSYARAH PROGRAM ASASIPINTAR MENDAPATKAN GERAN INDUSTRI

DR. TEH CHIN HOONG

1 Mei 2023: Pensyarah ASASIpintar, Ts. ChM. Dr. Chin Siew Xian berjaya memperolehi geran industri daripada Galaxy FCT SDN. BHD. sebanyak RM 8000.00 bagi projek penggunaan bahan nano yang berpotensi dan digunakan sebagai bahan pemangkin untuk penjanaan gas hidrogen daripada bahan kimia natrium borohidrida. MoA telahpun ditandatangani pada 1 Mei 2023.

MEMORANDUM OF

AGREEMENT

between

GALAXY FCT H_2 in SOLID

ACCELERATED BY 3DEXPERIENCE Lab

GALAXY FCT SDN BHD
(Reg. No. 201401035353)

and

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
The National University of Malaysia

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

METAL MESHES AS CATALYST HOLDER FOR GENERATION OF HYDROGEN GAS FROM SODIUM BOROHYDRIDE





MESYUARAT LEMBAGA PENGAJIAN PROGRAM PUSAT GENIUS@PINTAR NEGARA UKM

DR. TEH CHIN HOONG

26 Jun 2023: Perbincangan bagi semakan Program ASASIpintar UKM telah berlangsung dengan jayanya pada 26 Jun 2023. Ahli-ahli Lembaga Penasihat Program (15 November 2021 – 14 November 2026) terdiri dari:

Prof. Madya Dr. Rorlinda Yusof
Pengarah
Pusat GENIUS@Pintar Negara
Universiti Kebangsaan Malaysia

Puan Hani Nazrina
Marketing Associate Maybank
Menara Maybank
Jalan Tun Perak
50050 Kuala Lumpur

Encik Amir Suhaimi Hassan
Chief Operating Officer
Pos Digicert Sdn Bhd
8-3A-02 Star Central Lingkaran Cyberpoint Timur
Cyberjaya
63000 Cyberjaya
Selangor

Prof. Ir. Dr. Ahmad Farid Abidin @ Bharun
Pengarah
Pusat ASASI
Universiti Teknologi MARA (UiTM)
Cawangan Selangor
Kampus Dengkil
43800 Dengkil
Selangor Darul Ehsan

Prof. Madya Dr. Marina Mohd Top @ Mohd Tah
Pengarah
Pusat Asasi Sains Pertanian
Universiti Putra Malaysia

Prof. Dr. Mohd Makmor Bakry
Dekan
Fakulti Farmasi
Universiti Kebangsaan Malaysia

Prof. Dr. Tuti Ningseh Mohd Dom
Dekan
Fakulti Pergigian
Universiti Kebangsaan Malaysia

Prof. Dr Abdul Halim Abdul Gafor
Dekan
Fakulti Perubatan
Universiti Kebangsaan Malaysia

Prof. Dr. Ishak Ahmad
Dekan
Fakulti Sains dan Teknologi
Universiti Kebangsaan Malaysia

Prof. Madya Ts. Dr. Nurhizam Safie Mohd Satar
Dekan
Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat
Universiti Kebangsaan Malaysia

Prof. Ir. Dr. Mohd Syuhaimi Ab Rahman
Dekan
Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina
Universiti Kebangsaan Malaysia

Encik Abdul Wahab Hashim
Pengarah
Pusat Sukan
Universiti Kebangsaan Malaysia







PRE-UNIVERISITY MATRICULATION INNOVATION COMPETITION (PIITRAM) 2023

DR. TEH CHIN HOONG

17-18 Februari 2023: Pertandingan Inovasi Inter-Asasi Matrikulasi (PIITRAM2023) merupakan pertandingan tahunan yang dianjurkan oleh Majlis Dekan/Pengarah Asasi bagi semua program ASASI dan matrikulasi di dalam Malaysia. PIITRAM2023 menyediakan pelantar bagi pertandingan inovasi dan penyelidikan di kalangan pelajar dan ahli akademik dalam bidang sains, teknologi, kejuruteraan, sastera dan matematik (STEAM). Pada tahun ini, Universiti Putra Malaysia (UPM) merupakan pihak penganjur PIITRAM2023 dari 17 hingga 18 Februari 2023 di Pusat Kebudayaan dan Kesenian, Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, UPM. Terdapat empat kategori pertandingan iaitu kategori pelajar (sains dan teknologi), pelajar (sains sosial), dan ahli akademik dan pentadbiran. Program ASASIpintar telah menghantar 5 pasukan pelajar dan 1 pasukan ahli akademik untuk pertandingan PIITRAM2023 ini. Setiap pasukan pelajar terdiri daripada 5 orang pelajar dan seorang pensyarah pembimbing. Program ASASIpintar berjaya memperolehi 2 pingat emas dan 2 pingat gangsa dalam kategori pelajar (sains dan teknologi), 1 pingat perak dalam kategori pelajar (sains sosial) dan 1 pingat perak dalam kategori ahli akademik. Tahniah diucapkan kepada semua pemenang pertandingan PIITRAM2023.








PAMERAN PENYELIDIKAN INOVASI 2023 (IREX 2023)

DR. TEH CHIN HOONG


25 Mei 2023: Program ASASIpintar telah menghantar 5 pasukan pelajar menyertai pameran penyelidikan berinovasi (IREX 2023) yang julung kali dianjurkan oleh Institut Biologi Sistem (INBIOSIS), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada 25 Mei 2023 di Dewan Konvensyen Kolej Keris Mas, UKM. Setiap pasukan IREX 2023 terdiri daripada 3 orang pelajar dan dibimbing oleh seorang pensyarah / mentor penyelidikan. Terdapat 3 kategori yang dipertandingkan iaitu kategori sekolah menengah, pra-universiti dan pra-siswazah. Dalam pertandingan ini, setiap pasukan perlu membuat pembentangan di depan para juri dengan berpandukan poster penyelidikan. Penilaian pemenang pertandingan adalah berdasarkan pemikiran penyelidikan, kreativiti asli dan komunikasi saintifik. Bagi pertandingan kategori pra-universiti, Program ASASIpintar berjaya memperolehi 1 Anugerah Emas beserta Anugerah Penyelidik Muda, diikuti dengan 2 Anugerah Perak dan 2 Anugerah Gangsa, hasil bimbingan dan usaha kerja penyelidikan pelajar bersama dengan para pensyarah ASASIpintar. Tahniah diucapkan kepada semua pasukan IREX dan pensyarah ASASIpintar UKM.


Kumpulan	Nama	Kemenangan
1	Ts. ChM. Dr. Chin Siew Xian (Penasihat) Teh Ker Xin Ong Yee Jia Lee Wan Hua	Pingat Perak
2	Dr. Siew Ee Ling (Penasihat) Shahssvinn a/l Rajamanickam Syaza Nur Dhia binti Khairul Anuar Heng En Xuan	Pingat Gangsa
3	Dr. Teh Chin Hoong (Penasihat) Ng Zhen Xuan Poi Shie Chee Jeevakugan a/l Murthy	Pingat Emas
4	Dr. Nor Farhah binti Razak (Penasihat) Khayran Affan bin Khamki Dinie Khalis bin Zamzul Hisham Ahmad Imtiyaz bin Azhar	Pingat Gangsa
5	Dr. Ikhwan bin Zakaria (Penasihat) Sanchitha a/p Sangkar Wan Sherlyzetty Fatihah binti Mior Khairuddin Nur Anisah binti Azrul	Pingat Perak















KEM KEPIMPINAN ASASI PINTAR

DR. TEH CHIN HOONG

2-4 Jun 2023: Kem kepimpinan Asasi Pintar telah dilaksanakan untuk memenuhi keperluan kursus Kepimpinan dan membuat keputusan. Objektif utama kem ini adalah membentuk ketahanan diri dan nilai kepimpinan dalam diri pelajar. Bagi membentuk kreativiti dan belajar melalui pengalaman, kem ini dikendalikan sepenuhnya oleh pelajar dan apa yang menarik adalah pengisian slot aktiviti melibatkan aktiviti *outdoor* dan *indoor*. Aktiviti *indoor* dikendalikan sepenuhnya oleh pelajar dimana pelajar telah membina modul aktiviti dan pada masa yang sama melaksanakan aktiviti tersebut. Sebanyak 20 modul berjaya dibina oleh pelajar dan untuk aktiviti kem hanya 10 modul sahaja yang diplih untuk pengisian dalam slot aktiviti. Bagi aktiviti *outdoor*, pengendalian program dikendalikan sepenuhnya oleh pasukan daripada kesatria yang terdiri daripada PALAPES, SUKSIS, SISPA dan BSMM. Antara aktiviti *outdoor* yang dilaksanakan adalah seperti Fire Drill, CPR, Obstacle dan kawad.























LAWATAN STAF PUSAT TAMHIDI KE KOMPLEKS NASYRUL QURAN, PUTRAJAYA

SAFIAH BINTI SHARIFF @ SHERIFF

26 Januari 2023 - Bersempena dengan Program *Quranic Arts Festival* anjuran Nasyrul Quran, Pusat Tamhidi telah mengambil peluang untuk menganjurkan lawatan ke Kompleks Nasyrul Quran di Putrajaya. Dengan objektif untuk memberi peluang kepada semua staf Pusat Tamhidi untuk melihat pameran Mushaf Al-Quran dari seluruh pelusuk dunia, program ini telah mendapat respon yang memberansangkan di kalangan staf Pusat Tamhidi. Memilih tarikh 26 Januari 2023, seramai 28 orang kakitangan Pusat Tamhidi telah menyertai lawatan ini. Banyak bahan pameran yang dapat menambah ilmu di kalangan staf. Antara yang menarik ialah: Mushaf Quran dari seluruh dunia, Mushaf Quran Uthman bin Affan, Pameran Galeri Hiasan Dalaman dari Turki, Iran dan Malaysia, Kain Kiswah Kaabah, Artifak, Replika Pedang dan banyak lagi. Disamping itu, terdapat juga 'Program Waqaf Al Quran Ke Seluruh Dunia'. Program ini memberi peluang kepada pengunjung untuk menyumbangkan derma untuk waqaf Al-Quran ke seluruh dunia. Atas inisiatif Yayasan Restu untuk menzahirkan bantahan dan sebagai tindakan balas terhadap tindakan ahli politik sayap kanan Sweden yang telah melakukan tindakan keji membakar Kitab Suci Al-Quran di Stockholm baru baru ini. Staf Pusat Tamhidi tidak ketinggalan telah mengambil peluang keemasan dan menyertai program waqaf Al-Quran ini. Sebanyak 1 juta naskah Al-Quran akan diedarkan ke seluruh dunia sebagai menyelar perbuatan membakar Al-Quran hasil dari sumbangan para pengunjung pameran. Tahniah kepada kakitangan Pusat Tamhidi yang telah meyumbang. Diharapkan program lawatan ini dapat memberi dorongan kepada staf Pusat Tamhidi untuk lebih menghayati dan menghargai Al-Quran melalui informasi sejarah dan kesenian Islam.



PROGRAM PAGI BAROKAH & SIHAT

NUR SAKINATUL LAILA BINTI MOHAMMAD JASNI

1 Februari 2023: Jawatankuasa Sukan & Rekreasi dan Jawatankuasa Barakah Pusat Tamhidi julung kalinya mengadakan program Pagi Barokah & Sihat Tamhidi 2023 di Kompleks Sukan Tunku Najihah USIM. Program ini turut mendapat kerjasama Pusat Sukan & Pusat Islam USIM. Bertarikh 1 Februari 2023, program ini bertujuan mengeratkan dan meningkatkan aktiviti sosial dan fizikal dalam kalangan warga staf Tamhidi. Pelbagai aktiviti menarik seperti solat dhuha, solat hajat, sesi tazkirah dan cabutan bertuah. Turut diadakan senaman ringan dan beberapa aktiviti kecergasan bagi menggalakan budaya sukan sihat dalam kalangan staf.





BENGKEL PENGURUSAN KEWANGAN DAN PENGUJIAN APLIKASI *MY INAQ BUDGET PLANNER*

NUR SAKINATUL LAILA BINTI MOHAMMAD JASNI

9 Februari 2023: Pusat Tamhidi telah menganjurkan satu bengkel pengurusan kewangan dan pengujian aplikasi *My Inaq Budget Planner* pada 9 Februari 2023, bertempat di Dewan Kuliah Pusat 1. Bengkel ini diadakan untuk mendedahkan para pelajar Tamhidi dengan kaedah pengurusan kewangan islam khusus untuk para pelajar di institute pengajian tinggi. Beberapa orang pelajar yang terpilih dari setiap program pengajian telah hadir dan mereka urut mempelajari kaedah penggunaan aplikasi *My Inaq Budget Planner* yang dibangunkan oleh kumpulan penyelidik dalam kalangan staf Pusat Tamhidi.



BENGKEL *MOCK PRESENTATION* PIITRAM 2023

NUR SAKINATUL LAILA BINTI MOHAMMAD JASNI

10 Februari 2023: Bersempena Pertandingan Inovasi Inter-Asasi Matrikulasi (PIITRAM) 2023 yang akan berlangsung pada 18 Februari 2023, Jawatankuasa e-pembelajaran dan Inovasi Pusat Tamhidi telah menganjurkan Bengkel *Mock Presentation* untuk para peserta membentangkan projek inovasi mereka. Bengkel ini telah diadakan pada 10 Februari 2023 dan dihadiri oleh ahli dari kumpulan-kumpulan inovasi dari kalangan staf dan para pelajar yang bakal bertanding dalam PIITRAM tidak lama lagi. Penceramah dan penilai jemputan ialah Prof. Madya Dr. Ramiaida Darmi dari Fakulti Pengajian Bahasa Utama USIM.



LAWATAN PELAJAR KE MUZIUM DAN GALERI SENI BANK NEGARA MALAYSIA

NUR SAKINATUL LAILA BINTI MOHAMMAD JASNI

14 Februari 2023: Pusat Tamhidi telah mengadakan lawatan sambil belajar ke Muzium dan Galeri Bank Negara di Kuala Lumpur. Lawatan ini memberi pendedahan tentang ekonomi Malaysia, peranan Bank Negara Malaysia di dalam pembangunan ekonomi serta landskap kewangan negara sejak zaman pra-kemerdekaan sehingga kini. Seramai 22 orang pelajar daripada program Tamhidi Sains Fizikal dan 6 staf Tamhidi terlibat dalam lawatan ini.



PROGRAM BANTUAN AWAL PENDIDIKAN KE MENARA GADING

NUR SAKINATUL LAILA BINTI MOHAMMAD JASNI

16 Februari 2023: Seramai 19 orang pelajar Tamhidi dari kategori asnaf menerima bantuan tunai dana kewangan melalui Program Bantuan Awal Pendidikan ke Menara Gading di bawah inisiatif Yayasan Prihatin Nasional (PRIHATIN). Majlis diadakan pada 16 Februari 2023, di Bangunan Canselori USIM. Penyampaian sumbangan ini disempurnakan oleh Encik Muhd Fareez Abu, Pengarah Pendidikan Yayasan Prihatin Nasional di Bangunan Canselori USIM. Turut bersama meraikan para penerima ini Prof. Madya Dr. Mahazan Abdul Mutalib, Penolong Naib Canselor (Perancangan Strategik & Hubungan Korporat) dan Prof. Madya ChM. Dr. Juliana Jumal, Dekan Pusat Tamhidi.



TAMHIDI *E-SPORTS BATTLE*

NUR SAKINATUL LAILA BINTI MOHAMMAD JASNI

17 Februari 2023: Jawatankuasa Sukan dan Rekreasi Pusat Tamhidi telah menganjurkan pertandingan Tamhidi *E-Sports Battle* pada 17 Februari 2023. Tujuan pertandingan ini dianjurkan adalah untuk menjayakan kejohanan yang berasaskan *e-games* bagi permainan *Playerunknown Battleground (PUBG-Mobile)* dan *Mobile Legends: Bang Bang (MLBB)* untuk para pelajar di Pusat Tamhidi. Pertandingan ini telah mendapat penyertaan yang memberangsangkan iaitu seramai 70 orang pelajar bagi kedua-dua permainan yang dipertandingkan. Selain itu, pihak penganjur juga dengan jayanya telah mengadakan liputan secara langsung perlawanan *PUBG-Mobile* di laman *Facebook* Pusat Tamhidi. Pertandingan ini telah dimenangi oleh kumpulan Anak Soleh bagi permainan *PUBG-Mobile* manakala, johan MLBB ialah kumpulan Incognito. Kumpulan-kumpulan yang berjaya meraih tempat pertama di kejohanan ini akan mewakili Pusat Tamhidi sekaligus membawa nama USIM ke temasya Sukan Asasi Malaysia 2023 yang akan berlangsung di UIA Kampus Gambang pada 18 Mac 2023.





PUSAT TAMHIDI USIM RANGKUL 19 PINGAT DI PIITRAM 2023

NUR SAKINATUL LAILA BINTI MOHAMMAD JASNI

18 Februari 2023: Pusat Tamhidi USIM melakar kecemerlangan dalam bidang inovasi apabila berjaya merangkul 19 pingat dalam majlis penutup Pertandingan Inovasi Inter-Asasi Matrikulasi (PIITRAM) 2023 yang diadakan di Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor. Sebanyak 19 kumpulan dari Pusat Tamhidi telah menyertai pertandingan ini yang melibatkan 9 kumpulan kategori A: pelajar (sains dan teknologi), 6 kumpulan kategori C: staf (akademik) dan 4 kumpulan kategori D: staf (pentadbiran).

Bagi kategoroi pelajar (sains dan teknologi), Pusat Tamhidi telah memenangi 1 Emas, 5 Perak dan 3 Gangsa. 'SANe - *Smart Automatic Nebulizer'* merupakan hasil kejayaan para pelajar Tamhidi Sains Fizikal & Teknologi, di bawah seliaan Ts. Dr. Noorrezam Yusop, pensyarah subjek pengkomputeran di Pusat Tamhidi. '*Physics for Prosumers*' merupakan projek para pensyarah unit Fizik yang telah diketuai oleh Profesor Dato' Dr. Mohamed Ridza Wahiddin telah menambat hati para penilai dan pulang bersama pingat emas. Selain itu, projek *'Tamhidi Timetable System'* atau TTS turut memenangi emas dan anugerah pembentangan terbaik untuk kategori pembentangan secara maya. Tahniah dan syabas diucapkan kepada semua peserta!





PERTANDINGAN DEBAT INTER-ASASI UNIVERSITI AWAM 2023

NUR SAKINATUL LAILA BINTI MOHAMMAD JASNI

19 Februari 2023: Dua kumpulan pendebat Pusat Tamhidi iaitu pasukan debat Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris telah menyertai Pertandingan Debat Inter-Asasi Universiti Awam 2023 di Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM). Pasukan ini dibimbing oleh Puan Norhakimah Dhiaudin. Saringan awal dalam talian bermula daripada 10 sehingga 12 Februari 2023, dan kedua-dua pasukan telah Berjaya memenangi 2 perlawangan dalam peringkat saringan tersebut. Pasukan debat Bahasa melayu telah layak ke pusingan suku akhir secara online pada 11 sehingga 12 Februari 2023.



BENGKEL TATANAMA SEBATIAN ORGANIK

NUR SAKINATUL LAILA BINTI MOHAMMAD JASNI

4 Mac 2023: Bengkel Tatanama Sebatian Organik Pusat Tamhidi 2023 telah diadakan bertempat di Dewan Kuliah Pusat 3 (DKP3) pada jam 8.30 pagi hingga 1.00 tengah hari. Kehadiran adalah seramai 350 orang pelajar program Tamhidi Perubatan, Pergigian dan Sains dan Tamhidi Sains Fizikal dan Teknologi; berserta lima tenaga pengajar kursus Kimia. Pelajar didedahkan awal dengan 'IUPAC Nomenclature', suatu kaedah penamaan sebatian kimia yang seragam dan digunakan oleh saintis sedunia. Ini memudahkan pelajar memahami kandungan kurikulum kursus Kimia Organik yang akan dihadapi selepas peperiksaan pertengahan semester nanti. Pelajar dilihat memberi komitmen yang baik dan bergiat aktif dalam menjawab soalan latihan dan kefahaman yang diberi sejurus selepas seminar berlangsung. Pelajar diberi hidangan minum pagi yang merupakan sebahagian daripada sumbangan daripada Pusat Zakat dan Wakaf USIM.



FESTIVAL PANTUN INTERASASI 2023

NUR SAKINATUL LAILA BINTI MOHAMMAD JASNI

5 Mac 2023: Pasukan pantun Pusat Tamhidi yang telah berjaya mendapat tempat ke-8 daripada 22 pasukan dalam pertandingan Festival Pantun Antara Asasi (FANTASI) yang telah berlangsung pada 3 hingga 5 Mac 2023 di Pusat Asasi UiTM Dengkil. Tahniah diucapkan kepada pemantun Nurhafizah Najwa kerana telah menjadi pemantun terbaik dalam pusingan suku akhir pertama menentang pasukan pantun UPM B. Ini merupakan pertandingan yang pertama kali dianjurkan dan pasukan Tamhidi telah dibimbing oleh Puan Amanina Kamarudin dan Puan Safiah Shariff@Sheriff.





MAJLIS PENYERAHAN BENDERA KEPADA KONTINJEN PUSAT TAMHIDI USIM KE SUKAN ASASI MALAYSIA 2023

NUR SAKINATUL LAILA BINTI MOHAMMAD JASNI

16 Mac 2023: Majlis Penyerahan Bendera USIM kepada kontinjen Pusat Tamhidi telah disempurnakan oleh Dekan Pusat Tamhidi dan Pengarah Pusat Sukan USIM. Amanat turut disampaikan kepada semua atlet yang menyertai kejohanan tersebut yang akan berlangsung pada 17-19 Mac 2023 di Pusat Asasi UIAM, Gambang, Pahang. Selain itu, turut diadakan solat hajat dan bacaan doa selamat bagi memberkati perjalananan pergi dan balik kontinjen, serta mendoakan kejayaan yang akan dibawa pulang nanti. Kontinjen Pusat Tamhidi yang terdiri daripada 118 atlet dan 22 pegawai pengiring, diketuai oleh Puan Aiza Azrin bakal bertanding dalam 9 kategori sukan dalam SAM2023.



KONTINJEN PUSAT TAMHIDI BAWA PULANG 1 PINGAT EMAS DAN 2 PINGAT GANGSA DI GAMBANG, PAHANG

NUR SAKINATUL LAILA BINTI MOHAMMAD JASNI

19 Mac 2023: Berkat kesungguhan dan latihan berterusan, kontinjen Pusat Tamhidi, Universiti Sains Islam Malaysia telah berjaya membawa pulang 1 pingat emas dan 2 pingat gangsa dalam Kejohanan Sukan Asasi Malaysia (SAM) 2023. Kejohanan telah berlangsung dari 17 hingga 19 Mac 2023 dan dianjurkan oleh Pusat Asasi Universiti Sains Islam Antarabangsa (UIAM) Gambang, Pahang selaku tuan rumah pada kali ini.

Pingat emas telah diraih oleh saudara Ahmad Azhar Ramli, pelajar Tamhidi Sains Fizikal dan Teknologi dalam acara olahraga 1500 meter. Manakala pingat gangsa dimenangi oleh atlet berpasukan bola jarring dan juga atlet berkumpulan ping-pong. Kejayaan yang diraih bukan sahaja melakar memori indah, malah telah membakar semangat atlet-atlet yang lain juga. Melalui kejohanan ini juga, bakat para pelajar Tamhidi dalam bidang sukan terserlah dan membuka peluang besar kepada mereka untuk terus cemerlang dalam bidang sukan.





KEJOHANAN DEBAT PIALA NAIB CANSELOR USIM

NUR SAKINATUL LAILA BINTI MOHAMMAD JASNI

19 Mac 2023: Empat pasukan dari Pusat Tamhidi telah bertanding dalam Kejohanan Pidato dan Debat Piala Naib Canselor edisi ke 16, USIM. Syabas diucapkan kepada Pasukan Debat Bahasa Inggeris kerana telah berjaya mendapat tempat ketiga dalam kejohanan kali Pasukan Debat Bahasa Arab Tamhidi A dan Tamhidi B juga telah berjaya ke peringkat SUKU AKHIR melawan pasukan FPBU dan FPQS A. Pasukan ini telah dibimbing oleh Encik Muhamad Hazwan Abd Rahman dan Encik Muhammad Suhail Tsaqif Mohamed Ishaq.

Para pendebat Tamhidi dari ketiga-tiga kategori (Bahasa Melayu, Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris) juga telah dinobatkan sebagai pendebat terbaik dalam kebanyakan siri perlawanan peringkat Saringan dan Separuh Akhir. Semoga segala pengorbanan masa,tenaga dan fizikal yang dicurahkan sepanjang tempoh persediaan dan kejohanan menjadi pengalaman berharga bagi para pendebat dan pemidato Tamhidi.





SEMINAR MUET 2023

NUR SAKINATUL LAILA BINTI MOHAMMAD JASNI

24 Mac 2023: Menjelang peperiksaan Malaysian University English Test (MUET) yang bakal berlangsung pada 1 April 2023 bertempat di Dewan Tuanku Canselor, USIM, unit Bahasa Inggeris telah mengambil inisiatif untuk menganjurkan seminar MUET kepada semua pelajar. Seminar ini telah diadakan dalam beberapa sesi iaitu pada 10 Mac, 17 Mac dan 24 Mac 2023.

Penceramah bengkel adalah dari kalangan guru Bahasa Pusat Tamhidi yang berpengalaman iaitu Puan Shahrah Sulaiman, Puan Nur Safura Abd Ghaffar, Puan Safiah Sharif, Puan Azlina Mohamed Nor, Encik Raimizar Rahim dan Puan Azizah Abd Majid. Melalui bengkel ini, para pelajar didedahkan dengan format terkini dan teknik-teknik menjawab untuk skor dalam MUET. Selain itu, para pelajar juga turut diberi motivasi agar berusaha untuk mendapat keputusan cemerlang dalam MUET nanti.





BENGKEL PENGUKUHAN *PRE-CALCULUS*

NUR SAKINATUL LAILA BINTI MOHAMMAD JASNI

31 Mac 2023: Bengkel Pengukuhan *Pre-Calculus* telah diadakan dengan objektif untuk membantu seramai 120 pelajar TSFT dan TPPS terpilih berdasarkan gred yang rendah sewaktu semester 1 2022/2023 dan memerlukan latihan intensif berkenaan subjek *Pre-Calculus*. Ianya turut disertai oleh 20 orang pelajar lain yang berminat dan sukarela untuk hadir. Bengkel disampaikan oleh Dr. Idayu dan Dr. Laili yang menfokuskan kepada topik pengkamiran dan pembezaan. Melalui bengkel ini, pelajar dapat mengukuhkan teknik dan meningkatkan keyakinan dengan soalan berkaitan *Pre-Calculus*.



PROGRAM INFAQ KASIH RAMADHAN DAN TUTELAGE MEGA PUSAT TAMHIDI

NUR SAKINATUL LAILA BINTI MOHAMMAD JASNI

8 April 2023: Bersempena dengan sambutan hari Nuzul Quran, Pusat Tamhidi dengan kerjasama Pusat Islam telah menganjurkan program Infaq Kasih Ramadhan dan Tutelage Mega Pusat Tamhidi 2023. Diadakan pada 8 April, bertempat di Kompleks Islam Tuanku Muhriz (KITM), program ini dimulakan selepas zohor dengan sesi tutelage. Program tutelage ini merupakan program mentor mentee yang melibatkan semua staf akademik yang dilantik sebagai mentor dan mentee dalam kalangan pelajar Pusat Tamhidi. Seterusnya majlis diteruskan dengan perasmian majlis Haflah Al-Quran, bacaan Al-Quran pimpinan oleh dan alunan qasidah oleh kumpulan nasyid Inteam. Pada sebelah petang program diteruskan dengan bicara Quran oleh dan telah diadakan majlis iftar jamaie dan solat berjemaah.





MAJLIS KHATAM AL-QURAN DAN EDARAN IFTAR PUSAT TAMHIDI

NUR SAKINATUL LAILA BINTI MOHAMMAD JASNI

14 April 2023: Pusat Tamhidi telah menganjurkan Majlis Khatam Al-Quran Dan Edaran Iftar kepada staf Tamhidi dan anak-anak yatim Tamhidi pada Jumaat 14 April di Dewan Kuliah Utama, FPQS USIM. Majlis ini merupakan acara kemuncak setelah selesai sesi tadarus Al-Quran staf Pusat Tamhidi sepanjang bulan Ramadhan tahun ini. Antara pengisian majlis adalah ucapan dekan Pusat Tamhidi, bacaan Al-Quran dan doa, tazkirah ringkas, penyampaian sumbangan duit raya kepada anak-anak yatim Pusat Tamhidi sumbangan dari staf Pusat Tamhidi dan juga penyumbang luar. Sekretariat Pusat Tamhidi turut terlibat menjayakan majlis sebagai ahli jawatankuasa disamping semua tetamu majlis turut diraikan dengan juadah berbuka puasa.






TADABBUR DAN MAJLIS KHATAM AL-QURAN NADI HUFFAZ

NUR SAKINATUL LAILA BINTI MOHAMMAD JASNI

16 April 2023: Majlis Khatam al-Quran Nadi Huffaz Tamhidi (NAFFDI) secara atas talian telah diadakan pada hari ahad sebagai penutup kepada program Tilawah Dan Tadarus al-Quran NAFFDI yang diadakan sepanjang bulan Ramadhan. Program ini turut diselitkan bersama Siri Tadabbur setiap minggu oleh penceramah jemputan. Tahniah kepada semua pelajar Tamhidi yang telah menghidupkan Ramadhannya dengan al-Quran. Semoga setiap detik yang diluangkan menjadi asbab syafaat di akhirat kelak.





YALLA... ARABIYYAH! 2023

NUR SAKINATUL LAILA BINTI MOHAMMAD JASNI

13 Mei 2023: Program Yalla... Arabiyyah! merupakan program tahunan anjuran Tamhidi Syariah dan Undang-Undang (TSU) yang bertujuan untuk mewujudkan suasana berbahasa Arab sebagai bahasa komunikasi di Pusat Tamhidi serta mencungkil bakat dan kreativiti yang ada dalam diri para pelajar. Antara aktiviti yang dianjurkan ialah pertandingan video, poster dan kuiz Bahasa Arab, nasyid dan kalam jamaie (choral speaking). Istimewanya Yalla... Arabiyyah! 2023 kali ini dapat diadakan kembali secara fizikal setelah 2 tahun diadakan secara atas talian dan turut menampilkan penyertaan istimewa dari pelajar Genius Insan. Ianya diadakan di Dewan Kuliah Pusat (DKP3), USIM.

Tahniah diucapkan kepada Kolej Genius Insan menjuarai Kalam Jamaie dan Tamhidi Syariah dan Undang-Undang (TSU) yang telah merangkul juara keseluruhan Yalla... Arabiyyah! 2023 dan membawa piala pusingan. Peserta terbaik program kali ini ialah Saudari Afyka binti Rudy dari program Tamhidi Syariah dan Undang-Undang. Acara perasmian penutup turut dihadiri oleh Dekan Pusat Tamhidi, Prof. Madya ChM. Dr. Juliana Jumal.





SAMBUTAN HARI GURU 2023

NUR SAKINATUL LAILA BINTI MOHAMMAD JASNI

16 Mei 2023: Buat julung-julung kalinya, Sekretariat Pelajar Tamhidi dengan Kerjasama Jawatankuasa Hal Ehwal Pelajar Pusat Tamhidi menganjurkan sambutan hari guru. Ianya bertujuan untuk menghargai jasa guru-guru dan para pensyarah dalam mendidik para pelajar. Meskipun tiada majlis khusus, para pelajar telah mengambil inisiatif untuk menempah banner ucapan, menyediakan prop untuk bergambar dan juga menyediakan hadiah dan kek untuk setiap guru dan pensyarah. Sudah pastinya sambutan ini mencipta kenangan yang indah dan juga mengeratkan hubungan antara pelajar dan guru/pensyarah Pusat Tamhidi.







MAJLIS SILATURRAHIM TAMHIDI PASCA AIDILFITRI 1444H #SALAMERAT

NUR SAKINATUL LAILA BINTI MOHAMMAD JASNI

25 Mei 2023: Telah berlangsung Majlis Silaturrahim Tamhidi Pasca Aidilfitri 1444H bertempat di perkarangan blok pentadbiran, Pusat Tamhidi dan dihadiri oleh semua staf dan pelajar Tamhidi. Pelbagai juadah telah disediakan seperti sate, apam balik, air balang, kuetiau goreng, macaroni goreng, bubur kacang, lemang dan rendang. Di dalam majlis ini juga turut diadakan sesi penghargaan kepada pensyarah Tamhidi yang telah berpindah, dan sesi penyampaian hadiah pertandingan 'Tamhidi Video Challenge' #TVC2023. Jutaan terima kasih dan tahniah kepada semua pihak yang telah membantu dan memberi sumbangan, dan kepada Sekretariat Pelajar Tamhidi yang telah bertungkus lumus memastikan kelancaran majlis.



PERTANDINGAN DEBAT PIALA DATO' MENTERI BESAR SELANGOR

NUR SAKINATUL LAILA BINTI MOHAMMAD JASNI

28 Mei 2023: Tahniah diucapkan kepada saudari Dini Batrisyia binti Azlan dan saudari Fitrah Khadijah binti Syakirin, dari program Tamhidi Syariah dan Undang-Undang diatas kejayaan memenangi Naib Johan dan Anugerah Pendebat Terbaik Akhir dalam kejohanan Debat Piala MB Selangor kategori pra-universiti.



TAKLIMAT SYARAT-SYARAT KEMASUKAN, LALUAN KERJAYA DAN PANDUAN PEMILIHAN KE PROGRAM SARJANA MUDA USIM

NUR SAKINATUL LAILA BINTI MOHAMMAD JASNI

9 Jun 2023: Pusat Tamhidi telah menganjurkan beberapa siri taklimat untuk syarat-syarat kemasukan, laluan kerjaya dan panduan pemilihan ke program sarjana muda USIM. Taklimat ini bertujuan untuk mendedahkan para pelajar dengan syarat-syarat kemasukan ke program sarjana muda mengikut program pengajian dan fakulti. Taklimat telah disampaikan oleh wakil dekan/pensyarah dari setiap fakulti dan turut dibantu oleh para pelajar ijazah sarjana muda. Melalui taklimat ini juga, setiap wakil fakulti dapat mempromosikan program pengajian yang ditawarkan, manakala para pelajar Tamhidi dapat menetapkan matlamat mengenai hala tuju mereka selepas tamat program di Pusat Tamhidi dan juga tips ketika ujian temuduga. Dalam slot taklimat yang terakhir, Puan Mazlina Mohamed Tamjid, iaitu Pegawai Kemasukan Program Sarjana Muda telah menyampaikan taklimat mengenai panduan pemilihan menggunakan sistem i-student agar para pelajar mendapat maklumat jelas mengenai kaedah mengisi menggunakan sistem tersebut sebelum tarikh akhir iaitu 27 Jun 2023.



LAWATAN PELAJAR TAMHIDI PERAKAUNAN DAN MUAMALAT KE MELAKA, PAHANG DAN PERAK

NUR SAKINATUL LAILA BINTI MOHAMMAD JASNI

18 Jun 2023: Para pelajar Tamhidi Perakaunan dan Muamalat telah mengadakan tiga siri lawatan ke negeri Melaka, Pahang dan Perak. Lawatan siri pertama ialah ke Kilang Jonker Mamee House, Melaka pada 27 Mei 2023 bagi mempelajari proses penghasilan makanan dan pengurusan kilang di sana. Siri kedua merupakan lawatan ke Pusat Penyelidikan MARDI di Cameron Highlands, Pahang pada 11 Jun 2023. Para pelajar telah diberi taklimat dari pegawai MARDI mengenai penyelidikan-penyelidikan yang dijalankan di sana.

Selain itu, lawatan ke HOGA Gaharu Tea Valley, Gopeng, Perak dan juga Kilang Labu Sayong di Kuala Kangsar Perak pada 17 hingga 18 Jun 2023 merupakan lawatan siri ke-3 yang dianjurkan. Melalui siri lawatan ini, ianya dapat memberi pendedahan kepada pelajar untuk menambah ilmu pengetahuan tentang strategi yang digunakan oleh kilang tersebut dalam mengekalkan perniagaannya pada masa kini.

Selain itu, lawatan ini dapat memberi pendedahan kepada pelajar mengenai proses pembuatan bahan mentah kepada pelbagai jenis barang siap (produk). Pelajar juga dapat mengaitkan ilmu berkenaan pemprosesan dan sistem pengekosan yang diperolehi dengan topik sistem kos proses dalam kursus perakaunan pengurusan. Diharapkan agar melalui lawatan ini juga, dapat menarik minat mahasiswa/i untuk menceburi bidang keusahawanan di masa akan datang.



PUSAT TAMHIDI RANGKUL 6 EMAS DI KEJOHANAN OLAHRAGA INTER FAKULTI (KOIF) 2023

NUR SAKINATUL LAILA BINTI MOHAMMAD JASNI

19 Jun 2023: Kontijen Pusat Tamhidi melakar kecemerlangan dalam sukan apabila telah memenangi 6 pingat emas, 3 pingat perak dan 3 pingat gangsa dalam Kejohanan Olahraga Inter Fakulti (KOIF) 2023. Selain itu rekod baru USIM turut tercatat bagi 4 acara kategori 1 iaitu 800 m (L), 800 m (W), 100 m (W) dan 4x100 m (W). Tahniah dan terima kasih di atas usaha gigih yang diberikan oleh para atlet, Sekretariat Pelajar Tamhidi, JK sukan dan rekreasi Pusat Tamhidi, Pusat Sukan dan semua pihak yang terlibat dan hadir memberi sokongan padu kepada semua atlet.





Asasi UNIMAS *Scienceploration Camp* 2023

NUR FAZLIANA RAHIM, NORNI HIDAYAWATI MAT DAUD, NOR HAYATI JAYA, NORHUNAINI MOHD SHAIPULLAH

20 Mei 2023: Program Asasi UNIMAS *Scienceploration Camp* merupakan program tahunan di PPPU dan tahun ini merupakan tahun ketujuh program ini dilaksanakan. Tujuan utama program ini ialah untuk menarik minat pelajar-pelajar terhadap subjek sains dan juga ilmu *Science*, *Technology*, *Engineering and Mathemathics* (STEM). Di samping itu, program ini dapat memberi peluang kepada mereka untuk mempelajari ilmu STEM dengan melakukan eksperimen secara praktikal. Seterusnya, program ini membantu mereka mengaplikasikan ilmu tersebut dalam kehidupan sebenar dan secara tidak langsung dapat mengubah persepsi negatif pelajar-pelajar mengenai bidang STEM.

Asasi UNIMAS *Scienceploration Camp* 2023 telah diadakan pada 20 Mei 2023 di PPPU, UNIMAS. Seramai 65 orang pelajar menengah rendah merangkumi 11 buah sekolah di sekitar Kota Samarahan, Serian dan Kuching telah menyertai program ini. Program ini dimulakan dengan sesi pendaftaran pada jam 7.00 pagi dan peserta kemudiannya melengkapkan enam modul yang telah disediakan khas oleh pensyarah-pensyarah kursus Fizik, Biologi, Kimia, Matematik, ICT dan satu modul kolaborasi istimewa bersama Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat. Modul tersebut ialah *Fireworks, Making Sense of Your Senses, Finger Binary, Mathematics A1Z26 Cipher, ChemyChromatic, Graph Paper Programming*, dan *Sorting Algorithm Race*. Program ini diakhiri dengan Majlis Perasmian Penutupan Asasi UNIMAS *Scienceploration Camp* pada jam 4.30 petang. Semua aktiviti telah berjaya dilaksanakan dengan baik sepanjang program berlangsung.

Program ini juga telah mendapat penajaan dan sumbangan dari pelbagai pihak secara individu dan juga korporat. Antara penaja program Asasi UNIMAS *Scienceploration Camp* 2023 ialah En Ahmad Kazwini bin Abdul Wahab, Dr. Mohd Alhafiizh bin Zailani, Yb Dato' Haji Idris Bin Buang, Yb. Datuk John Sikie Anak Tayai, Kelab Alumni UNIMAS, PIBG St. Mary, dan juga Syarikat Robert Scientific Sdn. Bhd. dengan jumlah keseluruhan tajaan sebanyak RM16,800.00. Program ini terbukti telah berjaya menarik minat dan meningkatkan motivasi peserta dalam mendalami ilmu STEM seperti yang dipaparkan dalam borang maklumbalas. Program ini secara tidak langsung dapat mengetengahkan Pusat Pengajian Pra-Universiti sebagai salah satu pusat pengajian di peringkat asasi yang berteraskan aliran sains.



Asasi UNIMAS *Scienceploration Camp* 2023

NUR FAZLIANA RAHIM, NORNI HIDAYAWATI MAT DAUD, NOR HAYATI JAYA, NORHUNAINI MOHD SHAIPULLAH













Program *My Alma Mater* di SMK St Joseph Kuching

MOHAMAD RAZIF BIN OTHMAN

14 Jun 2023: Pada 14 Jun 2023 PPPU telah mengadakan program *My Alma Mater* bertempat di Sekolah Menengah Kebangsaan St. Joseph Kuching. Program ini adalah salah satu daripada siri program *My Alma Mater* yang melibatkan kunjungan pensyarah PPPU ke sekolah masing-masing. Bagi lawatan ke SMK St Joseph, pensyarah yang telah terlibat ialah En. Mohamad Razif dan En. Chew Khui Tat, kedua-duanya merupakan alumni sekolah tersebut.

Pada minggu tersebut, pihak sekolah telah menganjurkan Minggu Program Pendidikan Lanjutan dan Kerjaya pada 12 hingga 15 Jun 2023. Pelbagai institusi telah dijemput untuk memberikan taklimat kepada pelajar-pelajar SMK St Joseph. UNIMAS telah diperuntukkan slot taklimat selama 2 jam dan pelajar-pelajar yang telah menghadiri taklimat UNIMAS ini terdiri daripada pelajar tingkatan 5 dan 6 semasa yang mengambil aliran sains.

Pengisian program ini terlebih dahulu dimulakan dengan taklimat bidang kerjaya STEM dan pengenalan kepada Pusat Pengajian Pra-Universiti UNIMAS. Kedua-dua taklimat ini telah disampaikan oleh En. Mohamad Razif bin Othman.

Selepas taklimat tamat, program diteruskan dengan aktiviti STEM secara hands on. Pelajar-pelajar telah dibahagikan kepada kumpulan-kumpulan kecil dan telah diminta untuk membina menara yang paling tinggi dan stabil dengan hanya menggunakan tali dan penyedut minuman. Kumpulan yang berjaya membina menara yang paling stabil diumumkan sebagai pemenang. Untuk berjaya dalam aktiviti ini pelajar perlu mengaplikasikan pengetahuan sains mereka terutamanya subjek fizik yang telah dipelajari di sekolah.

PPPU berterima kasih kepada pihak sekolah terutamanya pengetua Cikgu James Chen, Cikgu Mariam dan Cikgu Suhaila atas kerjasama baik yang telah diberikan untuk menjayakan program ini. Diharapkan program seumpama ini dapat diteruskan pada masa hadapan sebagai salah satu usaha PPPU untuk membantu mempromosi pendidikan STEM di kalangan pelajar sekaligus dapat memperkenalkan PPPU sebagai satu pilihan untuk menyambung pengajian selepas SPM kelak.



Asasi UNIMAS *Scienceploration Camp* 2023

NUR FAZLIANA RAHIM, NORNI HIDAYAWATI MAT DAUD, NOR HAYATI JAYA, NORHUNAINI MOHD SHAIPULLAH











KARNIVAL STEM ASASI UMS 2023

CHE HAZIQAH CHE HUSSIN & NURLIYANA JUHAN

22 Mac 2023: Pusat Persediaan Sains dan Teknologi (PPST), Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah menganjurkan Karnival STEM AUMS 2023. Aktiviti utama karnival ini adalah pertandingan *Young Scientist Sci-show Competition* (YSSC). Sehubungan dengan itu, pihak pihak PPST telah mendapat tajaan hadiah pertandingan daripada Kementerian Sains, Teknologi Dan Inovasi Sabah melalui Pusat U-Science untuk menjalankan program ini dengan jayanya sebanyak RM5,700. Pertandingan ini terbuka kepada pelajar-pelajar sekolah menengah di Sabah, Sarawak dan W.P. Labuan secara percuma. Program ini dijalankan bagi menarik minat pelajar-pelajar sekolah menengah terhadap matapelajaran STEM (Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik) sekaligus memupuk masyarakat saintifik selaras dengan hasrat kerajaan Malaysia ke arah negara Revolusi Industri 4.0. Disamping itu, para pelajar juga dapat pendedahan awal mengenai program-program Asasi yang ditawarkan di PPST, UMS. Jom@Asasi adalah merupakan taklimat akademik bertujuan untuk mendedahkan pelajar menengah atas dan lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) ke program Asasi Sains dan Teknologi Maklumat yang ditawarkan di UMS. Selain daripada itu, cara-cara memohon UPU, pengenalan kepada PPST dan sesi soal jawab bersama panel taklimat dan alumni program Asasi. Oleh yang demikian pendedahan terkini mengenai prospek sambung belajar di UMS dapat dibuat dan maklumat tepat dapat disampaikan. Di samping itu, terdapat juga aktiviti-aktiviti tambahan lain seperti IT Project Exhibition juga dilaksanakan oleh pelajar-pelajar semasa program Teknologi Maklumat. Pameran ini merupakan projek akhir semester bagi pelajar program Teknologi Maklumat. Aktiviti lain adalah 3S: Stem Speaker Series disampaikan oleh pengarah PPST UMS untuk menyampaikan aktiviti STEM semasa.

Taklimat akademik Jom@Asasi telah diadakan sebanyak dua sesi iaitu pada 22 Mac 2023 dan 25 Mei 2023. Untuk sesi pertama, taklimat ini telah diadakan secara atas talian menggunakan medium facebook PPST. Jumlah penyertaan sesi pertama adalah sebanyak 239 orang. Manakala untuk sesi kedua Jom@Asasi telah diadakan secara hibrid di U-Science dan facebook serta youtube PPST. Jumlah penyertaan sesi kedua di facebook PPST adalah sebanyak 210 orang manakala di youtube PPST pula sebanyak 168 tontonan. Jumlah penyertaan yang hadir secara fizikal di U-Science pula dalam anggaran 200 pelawat. Pameran IT merupakan projek akhir semester bagi pelajar Program Teknologi Maklumat. Pelajar yang terlibat adalah 47 orang dan dipecahkan kepada 24 kumpulan. Pelajar membuat inovasi dalam projek berkenaan untuk 2 kategori iaitu *Multimedia Category dan Web Based System Category*. Jumlah penyertaan yang hadir secara fizikal di U-Science pula dalam anggaran 500 pelawat.

3S: Stem Speaker Series disampaikan oleh ChM. Dr. Newati Wid, Pengarah PPST UMS. Tajuk STEM yang dikongsikan adalah bertajuk “Pemulihan Sumber daripada Sisa”. Perkongsian ini berkenaan penghasilan produk berguna daripada sisa untuk meringankan tekanan pada sumber yang tidak boleh diperbaharui dan dalam masa yang sama mengurangkan masalah alam sekitar. Program ini dijalankan pada 26 Mei 2023 bermula 2.30pm-3.30pm. Jumlah tontonan di youtube Pusat U-science adalah sebanyak 457 tontonan.

KARNIVAL STEM ASASI UMS 2023

CHE HAZIQAH CHE HUSSIN & NURLIYANA JUHAN











ONE STEP CLOSER, CHASING YOUR PASSION READY FOR ACTION

PUSAT ASASI SAINS UNIVERSITI MALAYA

16 Januari 2023: Sesi perkongsian pengalaman bersama alumni telah diadakan secara dalam talian melalui *Microsoft Teams*. Program ini dikoordinasikan oleh Unit Alumni PASUM yang bertajuk *PASUM Alumni Sharing* yang bertemakan '*One Step Closer, Chasing your passion ready for action*'.

Program ini adalah selaras dengan pengajuran *PASUM Path Education Exposure* merangkumi beberapa sesi yang telah diatur dengan terperinci. Bagi merealisasikan program ini, beberapa orang alumni PASUM telah dijemput bagi bersama-sama berkongsi pengalaman dan cabaran yang telah mereka hadapi sepanjang pengajian di PASUM. Kesemua jemputan alumni merupakan lepasan PASUM yang kini sedang menyambung pengajian di peringkat Sarjana Muda dalam pelbagai bidang di Universiti Malaya.

Program tersebut telah menarik minat pelajar PASUM yang ingin mengetahui serta mendengar sendiri apa yang dikongsikan oleh *senior* mereka. Para alumni telah menekankan betapa pentingnya membuat pemilihan yang tepat sekiranya mereka berhasrat menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.

Secara keseluruhan, maklum balas positif diterima daripada para peserta dan menyarankan agar sesi seperti ini dapat diatur pada setiap tahun sebagai bekalan untuk memulakan perjalanan baru setelah tamat pengajian.



UNIVERSITI MALAYA

PASUM EDUCATION PATH EXPOSURE

PUSAT ASASI SAINS UNIVERSITI MALAYA

16-20 Januari 2023: *PASUM Education Path Exposure* merupakan sebuah program yang diadakan dengan kerjasama Unit Promosi, Unit Alumni, Unit Kerohanian Kebajikan dan Kaunseling (3K), dan Unit E-Learning ICT. Program ini diadakan bagi memberi pendedahan awal kepada pelajar-pelajar PASUM berkenaan kursus Ijazah Sarjana Muda yang ditawarkan melalui Saluran Autonomi Universiti Malaya. Program yang dijalankan secara tahunan ini menjemput fakulti-fakulti untuk bersama-sama menyampaikan taklimat dan membuka booth pameran mereka kepada para pelajar PASUM.

Program ini juga melibatkan alumni-alumni PASUM yang sedang belajar di fakulti berkenaan bagi berkongsi pengalaman mereka sepanjang berada di sana melalui sesi perkongsian yang dijalankan secara dalam talian. Program telah dijalankan pada minggu pertama semester kedua pengajian bagi memberi pertimbangan sewajarnya dalam pemilihan kursus melalui saluran autonomi yang akan dibuka pada pertengahan semester nanti.

Pelajar yang hadir telah memberikan respon positif dan mengatakan program sebegini telah banyak membantu mereka membuat pertimbangan dan pemilihan yang lebih tepat mengenai hala tuju mereka selepas tamat pengajian di PASUM.







UNIVERSITI MALAYA

BUBBLE FUN RUN 2023

PUSAT ASASI SAINS UNIVERSITI MALAYA

3 Mac 2023: Larian merupakan satu aktiviti fizikal dan riadah yang popular di negara kita Malaysia. Aktiviti larian ini juga dapat kita lihat dapat dijalankan oleh semua golongan di samping meningkatkan tahap kecergasan masing-masing. Oleh yang demikian, Pusat Asasi Sains, Universiti Malaya telah mengambil satu inisiatif untuk menganjurkan sebuah aktiviti sukan larian yang dipanggil *Bubble Fun Run 2023*. Peserta yang terlibat adalah mereka yang terdiri daripada warga PASUM dan pihak luar.

Matlamat utama *Bubble Fun Run* ini adalah untuk memberi kesedaran kepada umum akan kepentingan hidup secara sihat selari dengan arus pemodenan serta penerapan rutin harian di samping secara tidak langsung dapat mendidik semua peserta untuk mengamalkan gaya hidup sihat dengan penyertaan aktif dalam aktiviti fizikal terutamanya dalam bentuk larian. Menerusi program ini juga akan melatih peserta untuk lebih menghargai persekitaran dan tempat-tempat menarik yang terdapat di sekitar Universiti Malaya. Program ini dijangka akan diteruskan lagi pada masa hadapan selaras dengan penambahbaikan dari semasa ke semasa.







UNIVERSITI MALAYA

CERAMAH AMBANG PERDANA 144H

PUSAT ASASI SAINS UNIVERSITI MALAYA

17 Mac 2023: Ramadan Al Mubarak bakal membuka tirainya. Setiap kali tibanya bulan Ramadan iaitu bulan yang penuh rahmat, keampunan dan pembebasan dari api neraka ini, maka berlumba-lumbalah umat Islam menambah pahala dan mengambil peluang mengisi masa sebaik mungkin dengan dengan melakukan ibadah. Sempena menyambut bulan yang penuh barokah ini, PASUM dengan Kerjasama Unit Kerohanian Kebajikan dan Kaunseling (3K) telah menganjurkan sebuah program kerohanian yang bertajuk Ceramah Ambang Perdana 1444H bertempat di Auditorium. Ceramah ini telah disampaikan oleh Ustaz Dr. Ahmad Yussuf dari Akademi Pengajian Islam (APIUM).

Program yang telah berlangsung selama 2 jam ini menyajikan perkongsian mengenai pelbagai cabang ilmu bagi menambah baik amalan agama khususnya ibadah puasa di bulan Ramadan, selain mengimarah ajaran Islam. Antara kupasan ceramah beliau adalah supaya memperbanyakkan doa di bulan Ramadan dan yang ketiga adalah dengan melakukan amal soleh yakni dengan memperbanyakkan doa memohon keampunan kepada Allah kerana doa orang yang berpuasa pada bulan Ramadan sesungguhnya tidak akan ditolak oleh Allah. Akhir program, ustaz mengingatkan semoga dengan berpuasa ini akan meningkatkan keimanan dalam diri serta menjadikan kita golongan muttaqin sebagaimana yang dikehendaki Allah SWT.









UNIVERSITI MALAYA

MAJLIS ANUGERAH EMAS (MAE) PASUM

PUSAT ASASI SAINS UNIVERSITI MALAYA

13 Mei 2023: Pusat Asasi Sains Universiti Malaya telah menganjurkan Majlis Anugerah Emas (MAE), PASUM. Majlis ini merupakan acara tahunan yang diadakan bagi meraikan warga PASUM yang telah menunjukkan prestasi cemerlang sepanjang sesi akademik 2022/2023. Persatuan Lepasan Asasi Sains (PLAS) tidak ketinggalan memberikan sumbangan sebagai sokongan serta menjayakan majlis ini. Keseluruhan majlis ini adalah hasil kerjasama staf akademik dan pentadbiran PASUM yang telah bertungkus lumus bagi memastikan program berjalan dengan gemilang. Program ini sangat penting kerana memerlukan persiapan awal dan rapi.

Anugerah yang tersenarai dalam kategori ANUGERAH MAE adalah Anugerah Emas, Anugerah Khas PLAS, Anugerah Pelajar Terbaik Hayat & Fizikal, dan Anugerah 20 Pelajar Cemerlang Hayat & Fizikal. Manakala, bagi ANUGERAH MENDETA pula terdiri daripada Anugerah Ikon Ungku Aziz, Anugerah Kecemerlangan Kepimpinan Terbaik, Anugerah JKP Terbaik, Anugerah Projek Terbaik, Anugerah Ahli JKP Terbaik, Anugerah Penghargaan JTK Terbaik dan Anugerah Kecemerlangan Kokukulum. Anugerah telah disampaikan oleh Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar. Majlis diserikan lagi dengan persembahan dan gimik daripada pelajar dan staf. Para penerima anugerah berasa gembira dan bersyukur dengan penghargaan yang diterima. Secara keseluruhan, majlis berjalan dengan lancar dan menjadi memori berharga buat warga PASUM.





UNIVERSITI MALAYA

LIFE BEYOND COLLEGE

PUSAT ASASI SAINS UNIVERSITI MALAYA

19 Mei 2023: Pusat Asasi Sains Universiti Malaya dengan kerjasama *happywords.co* telah mengadakan Program Interaktif "*Life Beyond College*". Program ini diadakan bagi memupuk kesedaran kepada pelajar mengenai kepentingan pengurusan emosi yang positif dalam mengendalikan situasi mencabar di masa hadapan. Program telah dijalankan dengan jayanya dengan gaya dan keunikan tersendiri. Pengenalan kaedah *Social & Emotional Learning (SEL)* dilihat membantu pelajar untuk lebih bijak mengendalikan masalah berkaitan kehidupan peribadi serta pembelajaran dengan lebih relaks dan santai. Pada akhir program, sesi *Q&A* telah dijalankan bagi memberi peluang kepada pelajar untuk mengajukan pertanyaan kepada panel jemputan. Bengkel ini diharapkan dapat memberi input bermakna kepada pelajar dengan membantu mereka memcapai penyelesaian yang tepat ke arah perubahan.







WADAH MOTIVASI : JIHAD SEORANG MAHASISWA

PUSAT ASASI PERTAHANAN, UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA

31 Januari 2023: Satu program ceramah motivasi bertajuk Wadah Motovasi: Jihad Seorang Mahasiswa telah diadakan di Dewan Theatrette, UPNM. Program ini dianjurkan oleh Jawatankuasa Perwakilan Pelajar Asasi (JPPA) dan mengundang khas penceramah terkenal iaitu Ustaz Syamsul Amri Ismail yang lebih dikenali sebagai Ustaz Syamsul Debat. Program ini mendapat sambutan yang amat luar biasa daripada kalangan pensyarah, staf dan juga pelajar. Pengisian program ini termasuk motivasi pelajar, tips menghadapi kehidupan di kampus serta pembangunan moral dan sahsiah diri.





PROGRAM SUKARELAWAN TVET UNITY KPT

PUSAT ASASI PERTAHANAN, UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA

4 Februari 2023: Seramai 32 orang pelajar Pusat Asasi Pertahanan UPNM telah menyertai Program Sukarelawan TVET UNITY KPT di Parit Sulong, Johor. Program sukarelawan ini melibatkan seramai 8 pelajar perempuan dan 24 pelajar lelaki termasuk wakil Jawatankuasa Perwakilan Pelajar Asasi.

Program anjuran Kementerian Pengajian Tinggi ini merupakan sebahagian usaha Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) UPNM bersama agensi-agensi lain di bawah KPT. Program CSR ini bertujuan memperkukuh kerjasama yang sudah sedia terjalin antara pelbagai agensi di bawah KPT dengan IPT, khususnya dalam usaha menyebar luas manfaat kepada masyarakat setempat. Para pelajar yang terlibat turut berpeluang menerima pendedahan dan melibatkan diri secara lansung dengan program kesukarelawan dan aktiviti kemasyarakatan dalam usaha membina karakter dan jati diri yang mulia dalam diri mereka.



SUKAN INTRA ASASI (SINTAS) 2023

PUSAT ASASI PERTAHANAN, UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA

13-17 Februari 2023: Portfolio Sukan dan Riadah Jawatankuasa Perwakilan Pelajar Asasi (JPPA) Sesi 2022/2023 telah menganjurkan Sukan Intra Asasi (SINTAS) 2023. Pertandingan sukan yang julung kali diadakan ini dibuka kepada semua pelajar Pusat Asasi Pertahanan. Selain menggalakkan gaya hidup sihat dan semangat kesukanan, SINTAS turut bertujuan untuk mencungkil bakat sukan pelajar asasi di samping bertindak sebagai persediaan untuk ke Kejohanan Sukan Asasi Malaysia (SAM) 2023.

Kejohanan SINTAS ini telah dianjurkan dengan kerjasama Akademi Kecergasasan Pertahanan (AKP) UPNM. Sebanyak 10 acara sukan yang dipertandingkan di SINTAS termasuk futsal, bola tampar, olahraga, bola jaring, badminton, ping-pong, catur, bola keranjang dan e-sukan (PUBG dan MLBB).

Kemuncak SINTAS ialah majlis penyampaian hadiah yang telah diadakan bertempat pada 17 Februari 2023 bertempat di Pavilion UPNM. Majlis penutup ini telah disempurnakan oleh Prof. Ts. Dr. Norhana Binti Abdul Halim selaku Pengarah Pusat Asasi Pertahanan dan turut disaksikan oleh barisan penasihat dan exco tertinggi JPPA.



MALAM APRESIASI DAN MAJLIS ANUGERAH KECEMERLANGAN PELAJAR ASASI MADANI SESI AKADEMIK 2022/2023

PUSAT ASASI PERTAHANAN, UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA

12 Mei 2023: Jawatankuasa Perwakilan Pelajar Asasi PAP telah menganjurkan Malam Apresiasi dan Majlis Anugerah Kecemerlangan Pelajar Asasi Madani Sesi Akademik 2022/2023. Majlis gilang gemilang ini telah diadakan di *Azue Event Hall*, Bandar Baru Bangi bertemakan "*Gala Night*". Majlis ini telah disertai oleh seramai hampir 300 orang pelajar, pensyarah dan kakitangan PAP.

Majlis makan malam ini telah dihadiri dan dirasmikan oleh Prof. Madya Kapten Ahmad Zaidi bin Sulaiman (Bersara), Pengarah Kanan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UPNM. Ucapan Pengarah PAP telah disampaikan oleh Timbalan Pengarah (Akademik dan Pra-siswazah) PAP, Dr. Mohd Anuar bin Jamaludin manakala ucapan alua-aluan telah disampaikan oleh Presiden JPPA, Saudara Mohamad Marzuhaimie bin Marzuki.

Majlis apresiasi ini diadakan bagi meraikan pelajar-pelajar PAP sesi 2022/2023. Pada majlis tersebut, sijil anugerah kecemerlangan telah disampaikan kepada pelajar-pelajar PAP yang memperolehi keputusan akademik yang cemerlang pada Semester 1 2022/2023. Selain itu, sijil penghargaan turut disampaikan kepada pelajar-pelajar PAP yang terlibat dalam aktiviti sukan dan kokurikulum sepanjang sesi pengajian di PAP. Majlis turut diserikan dengan persembahan selingan oleh para pelajar PAP.













KEMENTERIAN PENDIDIKAN
BAHAGIAN MATRIKULASI

HARI TERBUKA MATRIKULASI KOLEJ MATRIKULASI KELANTAN

BAHAGIAN MATRIKULASI

9 - 10 Februari 2023: Hari Terbuka Matrikulasi Kolej Matrikulasi Kelantan telah berlangsung pada 9 - 10 Februari 2023. Pelbagai aktiviti menarik seperti permainan atas talian, pameran, kuiz, *Apple Teacher Showcase*, Bicara Alumnai dan pelbagai lagi. Program ini dijalankan bagi mempromosikan Program Matrikulasi kepada komuniti setempat.



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
BAHAGIAN MATRIKULASI

PERTANDINGAN INOVASI INTER ASASI MATRIKULASI TAHUN 2023 (PIITRAM 2023)

BAHAGIAN MATRIKULASI

17-18 Februari 2023: Program Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia telah menyertai Pertandingan Inovasi Inter-Asasi Matrikulasi 2023 (PIITRAM2023) yang berlangsung pada 17-18 Februari 2023. Pertandingan ini telah dianjurkan di Universiti Putra Malaysia. Pada pertandingan ini Program Matrikulasi KPM telah dianugerahkan 44 emas, 64 perak dan 35 pingat gangsa. Selain itu juga pelajar Program Matrikulasi KPM dari Kolej Matrikulasi Kejuruteraan Pahang telah dinobatkan sebagai "*Best Overall Award*" (kategori pelajar sains & teknologi).







KEMENTERIAN PENDIDIKAN
BAHAGIAN MATRIKULASI

PERTANDINGAN DEBAT INTER-ASASI UNIVERSITI AWAM 2023

BAHAGIAN MATRIKULASI

19 Februari 2023: Pertandingan ini telah dilangsungkan pada 19 Februari 2023 bertempat di Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UMPN). Ashwin Ong Jing Kai dari pelajar Kolej Matrikulasi Melaka yang telah dinobatkan sebagai Pendebat Terbaik Bahasa Inggeris Peringkat Awal dan Suku Akhir di ini.



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
BAHAGIAN MATRIKULASI

STEM PROJECT COMPETITION ANJURAN *SEAMEO REGIONAL CENTRE FOR STEM EDUCATION*

BAHAGIAN MATRIKULASI

10 Mac 2023: Pertandingan *STEM Project Competition* Anjuran *Seameo Regional Centre For STEM Education (SEAMEO STEM-ED)* telah berlangsung di Bangkok, Thailand pada 10 Mac 2023. Program Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia telah diwakili oleh Wan Muhammad Ikil Dhaifullah bin Wan Mohd Azlan, Muhammad Aiman bin Amrun, Aziem bin Azhan dan Fariz Firdaus bin Mahriz dari Kolej Matrikulasi Kejuruteraan Pahang kerana telah diangkat sebagai pemenang di pertandingan ini.



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
BAHAGIAN MATRIKULASI

ROBOMATICS

BAHAGIAN MATRIKULASI

17-19 Mac 2023: Pertandingan *Robomatics* telah berlangung di Sektor Sumber & Teknologi Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan pada 17-19 Mac 2023. Pertandingan ini telah dianjurkan Bahagian Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia dengan kerjasama Kolej Matrikulasi Labuan. Pertandingan ini telah melibatkan ke semua 15 buah Kolej Matrikulasi di seluruh Malaysia.



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
BAHAGIAN MATRIKULASI

BENGKEL PEREKAYASAAN PROSES DAN PROSEDUR KERJA (PPPK) BAGI PEMBANGUNAN SISTEM MAKLUMAT BERSEPADU BAHAGIAN MATRIKULASI

BAHAGIAN MATRIKULASI

1 April 2023: Bahagian Matrikulasi KPM bersama MAMPU Jabatan Perdana Menteri dan Bahagian Pengurusan Maklumat telah berjaya menghasilkan laporan PPPK setebal 824 halaman bercetak merangkumi latar belakang pelaksanaan perekayasaan, pakar perunding, pasukan projek, metodologi, dapatan bagi proses dan prosedur kerja baharu serta rumusan. Selain itu, hasil PPPK telah menunjukkan berlaku pengurangan proses dan prosedur kerja sebanyak 30% (119 proses dan prosedur sedia ada dikurangkan kepada 83).



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
BAHAGIAN MATRIKULASI

WEBINAR BIJAK TEMU DUGA BIDANG PERUBATAN DAN PERGURUAN

BAHAGIAN MATRIKULASI

15 April 2023: Program ini telah berlangsung pada 15 April 2023 yang melibatkan pelajar Program Matrikulasi yang dijalankan secara dalam talian. Program ini telah dijalankan dalam tiga sesi yang melibatkan tiga tajuk antaranya ialah tips temuduga kemasukan ke ijazah perubatan dan perguruan, *do's and don't* ketika sesi temu duga dan sesi soal jawab. Tiga panel yang terlibat merupakan Pensyarah Kanan Sains Perubatan USM, Pensyarah Kanan Fakulti Pendidikan UM dan Penolong Pengarah Bahagian Matrikulasi KPM.



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
BAHAGIAN MATRIKULASI

MAJLIS IFTAR MENTERI PENDIDIKAN BERSAMA-SAMA PELAJAR KOLEJ MATRIKULASI SELANGOR

MATRIKULASI KPM

17 April 2023: Majlis ini telah berlangsung pada 17 April 2023. Menteri Pendidikan, YB Fadhlina Sidek telah sudi menghadiri Majlis Iftar Perdana bersama-sama Pelajar Kolej Matrikulasi Selangor. YB Menteri Pendidikan, YB Timbalan Menteri Pendidikan dan pengurusan tertinggi KPM telah mengambil kesempatan untuk beramah mesra dengan lebih 1700 orang pelajar yang menghadiri majlis ini. Majlis yang bersifat turun ke bawah ini adalah wadah yang dapat mengeratkan hubungan dalam keluarga besar KPM. Jalinan hubungan yang baik dapat mewujudkan semangat kerjasama jitu yang merupakan ramuan utama dalam mencapai kecemerlangan sesebuah institusi.















KEMENTERIAN PENDIDIKAN
BAHAGIAN MATRIKULASI

WEBINAR HALA TUJU PELAJAR PROGRAM MATRIKULASI KPM SESI 2022/2023

BAHAGIAN MATRIKULASI

11 Mei 2023: Program ini telah berlangsung pada 11 Mei 2023 jam 4:00 petang. Empat sesi telah berlangsung sepanjang program ini dijalankan. Antara program yang dijalankan ialah “Peluang Bidang Pengajian Tinggi Kebolehpasaran dan Universiti Awam Malaysia”, “Peluang Sambung Belajar di Universiti Luar Negara” dan “Success Story Bekas Pelajar Program Matrikulasi”. Tiga penel yang terlibat dalam program ini merupakan Pegawai dari Bahagian Matrikulasi KPM.



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
BAHAGIAN MATRIKULASI

INTERNATIONAL INVENTION AND INOVATIVE COMPETITION (InIIC)

BAHAGIAN MATRIKULASI

24 Jun 2023: Pada 24 Jun 2023 pelajar dan pensyarah Kolej Matrikulasi Perak telah menyertai pertandingan International Invention and Inovative Competition (InIIC) 2023. Penyertaan ini telah membolehkan mereka memperoleh "*Gold Award*" bagi Kategori Higher Institution Student.

KEMENTERIAN PENDIDIKAN
BAHAGIAN MATRIKULASI

MALAYSIA MADANI

Tahniah

PELAJAR & PENSYARAH
KOLEJ MATRIKULASI PERAK

atas kejayaan gold award

International Invention and inovative Competition (InIIC)
24 Jun 2023





matrikulasikpm @MatrikulasiKPM Program Matrikulasi KPM

#matrikpilihanpertama #matrikulasidihatiku

KEMENTERIAN PENDIDIKAN
BAHAGIAN MATRIKULASI

STESEN RADIO DAN TV

BAHAGIAN MATRIKULASI

















MAJLIS DEKAN/PENGARAH ASASI

UNIVERSITI AWAM